

BULETIN PHT HEBAT 2021

BULETIN YANG MEMAPARKAN
AKTIVITI DAN KEJAYAAN PHT
SEPANJANG TAHUN

An aerial photograph of a large, modern building complex, likely a university or technical college. The building has a prominent central tower and multiple wings. In the foreground, there is a parking lot with several cars and a sign that reads "POLITEKNIK MALAYSIA". The image is framed by large, overlapping geometric shapes in shades of green, teal, pink, and orange.

POLITEKNIK
MALAYSIA
HULU TERENGGANU



Website: www.politeknikmalaysia.com

HAK CIPTA

TERBITAN PERTAMA: DISEMBER 2021

Ebuletin ini adalah hasil karya asli

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada penerbitan ini untuk diterbitkan semula dalam apa jua bentuk dan cara sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman, mekanik dan lainnya sebelum mendapat keizinan bertulis daripada penulis. Penulis juga tidak menjamin bahawa kandungannya sesuai untuk semua pembaca tetapi semua kandungan ini adalah melalui pengalaman, kefahaman dan kepakaran penulis sendiri.



DITERBITKAN OLEH:

**POLITEKNIK HULU TERENGGANU
JALAN PENGKALAN GAWI TASIK KENYIR,
KUALA JENERIS,
21700 KUALA BERANG, TERENGGANU.**

Tel: 09-6825555

Faks: 09-6825556

website: pht.mypolycc.edu.my

PHT HEBAT

EDISI 1
JAN-JUN 2021

Menarik Edisi Ini

- Perasmian Logo Ganu Eco Charity
- Program Sekampit Beras Satu Keluarga
- Perasmian DJP Kiosk

Isi kandungan

Januari	2-3
Februari	4-6
Mac	7-11
April	12-17
Mei	18-21
Jun	23-24
Bengkel /Kursus di	25-26
PHT di media cetak	27-28

HASANAH SPECIAL GRANT GANU ECO CHARITY (HSG-GEC MYCAS) THE CLEAN AIR FORUM MALAYSIA, HULU TERENGGANU

Mesyuarat pertama bagi pelaksanaan HSG-GEC MyCas di Daerah Hulu Terengganu telah berjaya diadakan di Bilik Mesyuarat Harmoni, Politeknik Hulu Terengganu (PHT).

Mesyuarat ini dihadiri oleh seramai 25 ahli mesyuarat yang terdiri daripada Jawatankuasa Utama Projek (MyCAS), Pimpinan Politeknik Hulu Terengganu, Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Pegawai CAKNA, polis bantuan TNB serta wakil-wakil NGO (Pertubuhan Ikram Malaysia Terengganu, Dewan Wanita MDNT, SALIMAH dan MACMA) yang terlibat dalam projek ini.



Mesyuarat dimulakan dengan sesi pengenalan ringkas tentang Politeknik Hulu Terengganu yang disampaikan oleh Tuan Hj Wan Mohd Hujjatullah Wan Ghazali, Pengarah PHT. Beliau mengalukan-alukan kehadiran rombongan MyCAS beserta wakil NGO-NGO dan menyatakan kesediaan mereka untuk bekerjasama dalam menjayakan projek ini.

Di kesempatan ini juga, beliau merasmikan Misi Sumbangan Bantuan Sementara Covid-19 Kawasan Hulu Terengganu tajaan Yayasan Hasanah

SIDANG EDITORIAL

Pengarah

Hj Wan Mohd Hujjatullah bin Wan Ghazali, A.N.S

Ketua Editor

Nurul Ilyani Abdullah

Editor

Wan Norlaili Wan Abdul Manan

Norimah Annuar @Mohd Tahir

Dameliza Damain

Afifatun Nadhirah Awang

Mohd Hishamudin Mat

DARI MEJA EDITOR

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

PHT Hebat merupakan buletin PHT yang memuatkan kisah kecemerlangan warga kerja PHT. Warga kerja PHT sentiasa melakukan yang terbaik untuk tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Warga kerja PHT sentiasa cekal dan berusaha mencipta nama dalam bidang masing-masing.

Syukur Alhamdulillah PHT HEBAT Bil 1/2021 Edisi JANUARI-JUN 2021 telah dapat diterbitkan dengan jayanya hasil kerjasama sidang editorial dan Warga kerja PHT yang mana turut sama berkongsi idea serta memberi inspirasi dan manfaat kepada semua. Terima kasih kepada yang membaca PHT Hebat edisi yang pertama ini.

Selamat Membaca.

Nurul Ilyani Abdullah


MESYUARAT PROGRAM ANJURAN JPH

Bertempat di Bilik Mesyuarat JPH telah berlangsung satu mesyuarat perbincangan bagi melaksanakan program Amanat Tahun Baharu 2021 oleh Pengarah PHT



PROSES DOKUMENTASI AKHIR BULETIN PHT HEBAT

Jawatankuasa Buletin PHT Hebat telah melakukan proses dokumentasi akhir buletin sebelum diagihkan kepada perpustakaan dan pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung



EKSA PHT

Kerja-kerja EKSA dilaksanakan dengan meletakkan label pada pintu-pintu bilik kuliah, unit dan jabatan oleh Penyelaras EKSA, Pn. Zaidah Mamat.



MINGGU TRANSFORMASI SISWA PHT

Minggu Transformasi Siswa (MTS) Sesi 1 2021/2022 telah berlangsung dengan jayanya di PHT. Para pelajar telah diisi dengan slot yang begitu menarik antaranya Kuliah Dhuha disampaikan oleh Ustaz Wan Sabri, Kokurikulum pula oleh En Razhan Ariff Mohd Zain, Slot Perpustakaan disampaikan oleh En Amran, Slot Peperiksaan pula disampaikan oleh Pn Masnisah, Slot PTPN oleh En Azmi Ismail dan Slot E-Learning disampaikan oleh Pn Mastiniwati. Semoga input yang diberikan dalam slot-slot ini menjadi pemangkin semangat untuk para pelajar baharu di PHT dalam norma baharu.



PUSPANITA PHT

Puspanita PHT dengan kerjasama Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan mengadakan Kursus Masakan dan Dekorasi Kek kepada ahli Puspanita PHT. Kursus ini telah dikendalikan oleh Pn.Wan Norliana Wan Sulong dan Pn. Zaidah Mamat. Objektif program ialah bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara ahli Puspanita dan berkongsi resepi untuk kegunaan para ahli pada masa akan datang.



PERASMIAN LOGO GANU ECO CHARITY

Bertempat di Bilik Mesyuarat Harmoni, perasmian logo Ganu Eco Charity telah disempurnakan oleh Pengarah PHT, Tn Hj Wan Mohd Hujjatullah bin Wan Ghazali, A.N.S bersama Ts Dr. Zaitun binti Yahya.



NYANYIAN LAGU, BACAAN DOA DAN IKRAR WARGA PHT

Majlis Perhimpunan Bulanan pertama untuk tahun 2021, anjuran Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti telah diadakan di Mini Auditorium PHT mengikut SOP KKM yang telah ditetapkan. Majlis dimulakan dengan Nyanyian

Lagu Negaraku dan lagu negeri. Majlis diteruskan dengan bacaan doa dan bacaan ikrar oleh jawatankuasa yang terlibat.



UCAPAN TPSA PHT UNTUK TAHUN 2021

Dr.Hj. Abu Bakar bin Zakaria, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, telah menyampaikan harapan kepada warga PHT dalam Perhimpunan Bulanan bilangan 1 untuk tahun 2021 di Mini Auditorium Pintar PHT



UCAPAN PENGARAH PHT DALAM PERHIMPUNAN BULANAN

Pengarah PHT, Tn.Hj. Wan Mohd Hujjatullah bin Wan Ghazali, A.N.S, telah menyampaikan amanat tahun baharu 2021 kepada warga PHT dalam Perhimpunan Bulanan bilangan satu untuk tahun 2021 di Mini Auditorium Pintar PHT hari ini. Menurut Pengarah, warga kerja PHT disarankan untuk

bekerja dengan penuh tanggungjawab untuk tahun 2021 disamping mencapai misi PHT, Leads Your Future. Warga kerja juga perlu produktif untuk mencapai hasil yang terbaik untuk tahun 2021.



SERAHAN BANTUAN MAKANAN DAN HYGIENE

Bertempat di Politeknik Hulu Terengganu(PHT), The Clean Air Forum Society of Malaysia (MyCAS) dengan kerjasama Politeknik Hulu Terengganu serta Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Hulu Terengganu dan Pejabat Dun telah menjalankan misi bantuan makanan dan hygiene kepada golongan-

yang terjejas akibat pandemik Covid-19 yang melanda Malaysia. Ini merupakan satu usaha bagi meringankan sedikit beban yang terpaksa dilalui pada waktu yang sukar ini. Misi kali ini telah diketuai oleh Dr. Abu Bakar bin Zakaria.



LAWATAN PIHAK PENGURUSAN ATASAN KE KAWASAN KAMPUS PHT BAGI MELIHAT PERSEDIAAN MENERIMA KEDATANGAN PELAJAR BAHARU

Pihak pengurusan atasan diketuai oleh pengarah PHT, Hj. Wan Mohd Hujjatullah bin Wan Ghazali, A.N.S telah melawat kampus PHT iaitu di kamsis lelaki dan perempuan serta kafetaria bagi melihat persediaan menerima kehadiran pelajar baharu mengikut SOP KKM yang telah ditetapkan



PERSEDIAAN MENERIMA KEHADIRAN PELAJAR BAHARU

Jawatankuasa Covid PHT ditubuhkan bagi memudahkan urusan pendaftaran pelajar baharu supaya mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa. Ini bagi mengelakkan penularan pandemik ini di PHT. Hari ini jawatankuasa tersebut telah

menampal poster arahan dan poster SOP (Standard of Procedures) serta membuat laluan bagi memudahkan urusan pendaftaran tersebut tanpa menyalahi peraturan yang telah ditetapkan.



SESI TEMUBUAL DALAM PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU

Pengarah Politeknik Hulu Terengganu, Hj. Wan Mohd Hujjatullah bin Wan Ghazali bersama Timbalan Pengarah Akademik, Pn. Wan Norliana Wan Sulong dan Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, Dr. Hj Abu Bakar bin Zakaria telah turun pandang

meninjau perjalanan pendaftaran secara pandu lalu oleh pelajar Baharu sesi Disember 2020 kemasukan pada 1 Mac 2021 hari ini. Sesi temubual tentang pendaftaran juga telah diadakan oleh Unit Multimedia serta Unit Komunikasi Korporat PHT.



MESYUARAT PEPERIKSAAN JABATAN PERDAGANGAN

Mesyuarat Peperiksaan Jabatan Perdagangan Sesi Jun 2020. Melibatkan pensyarah seramai 18 orang. Dapat membincangkan keputusan Peperiksaan Pelajar sesi Jun 2020 dan boleh mencari permasalahan yang dihadapi sepanjang sesi tersebut agar tindakan penambahbaikan dapat dilaksanakan.




MESYUARAT JABATAN PERDAGANGAN BIL.2/2021

Mesyuarat Jabatan Perdagangan Bil 2/2021 melibatkan semua pensyarah Jabatan Perdagangan seramai 18 orang. Memberikan impak yang besar kepada Sistem Pengurusan Jabatan Perdagangan kerana semua maklumat akan disampaikan untuk pelaksanaan dan apa-apa isu akan dibangkitkan untuk tindakan seterusnya. Permasalahan yang diutarakan akan diselesaikan serta CQI dapat dilaksanakan.



KURSUS EASY TAX PLANNING

Kursus dilaksanakan secara online yang merupakan kursus PSH bersama komuniti setempat. Memberikan ilmu pengetahuan untuk mengurus pengiraan percukaian dengan cara yang lebih mudah.



SANITASI BEG PELAJAR BAHARU

Pihak Bomba Cawangan Hulu Terengganu telah melakukan proses sanitasi beg pelajar baharu yang mendaftar masuk ke kamsis Politeknik Hulu Terengganu. Terima kasih kepada pihak bomba yang telah memberi kerjasama dalam memutuskan penularan pandemik Covid-19 di PHT



KURSUS PSH PHT

Kursus Pengurusan Aliran Tunai Pasca Covid bersama komuniti secara dalam Talian telah berlangsung semalam dengan jayanya. Kursus ini anjuran ULPL PHT dengan kerjasama Jabatan Perdagangan PHT.

KURSUS PENGURUSAN ALIRAN TUNAI PASCA COVID
bersama komuniti secara dalam talian

Tarikh : 2 Mac 2021 (Selasa)
Masa : 2.30 petang hingga 4.30 petang
Aplikasi : Google meet

Pendaftaran
<https://forms.gle/c88UG3FyKVVznjZz5>

Dijemput semua peniaga/individu/pelajar untuk mengikut kursus secara **Online.**

Anjuran: Jabatan Perdagangan, Politeknik Hulu Terengganu

JKKP PHT

Jawatankuasa Keselamatan Kesihatan Pekerja PHT telah mengadakan perbincangan bersama dengan Ketua Balai Kuala Berang yang mana telah membincangkan perancangan aktiviti bersama berkaitan keselamatan kesihatan pekerja



JABATAN PERDAGANGAN

PROGRAM BERIMPAK TINGGI



D'JP Kiosk merupakan inkubator Jabatan Perdagangan yang melibatkan pelajar-pelajar Diploma Akauntansi yang bertujuan untuk memupuk budaya keusahawan yang berterusan dan mereka dapat mempelajari kaedah perekodan perakaunan secara *hands on*.



Practical Accounting Workshop for DAT 4 n DAT 5. Speaker from Amirr & Associates, Encik Mohd Ropaat bin Khamid.

- ⇒ Memberi pendedahan kepada pelajar mengalami situasi sebenar perniagaan dengan menyiapkan satu set akaun lengkap secara manual.
- ⇒ Meningkatkan kemahiran perekodan dalam perakaunan.
- ⇒ Mempamerkan kemahiran berkomunikasi, kerja berkumpulan, pengurusan dan kepimpinan serta etika profession dalam melaksanakan aktiviti perakaunan



OLEH:
NORIMAH ANNUAR @ MOHD TAHIR

LAWATAN PENANDAARAS PHT DAN PSMZA

Lawatan penanda aras pihak pengurusan PHT ke PSMZA telah dijalankan pada hari ini bagi membincangkan perjalanan konvokesyen secara maya. PHT mengambil inisiatif melihat dan berbincang dengan pihak PSMZA, perjalanan sebenar konvokesyen secara maya seterusnya mempelajari amalan baik yang telah dijalankan PSMZA yang mana mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa



PHT DAN RELA

Perbincangan Pengarah PHT, Hj. Wan Mohd Hujjatullah bin Wan Ghazali, A.N.S bersama RELA Hulu Terengganu telah diadakan di pejabat pentadbiran PHT hari ini bagi membincangkan program pemerksaan RELASIS di PHT pada masa akan datang.



LAWATAN KERJA PMK KE PHT

Seramai enam orang pegawai dari Politeknik Melaka (PMK) telah ke Politeknik Hulu Terengganu (PHT) hari ini bagi mengumpul maklumat pembinaan kampus baharu yang dijangka bermula tahun 2026 nanti. Lawatan kerja ini berlangsung selama sehari dengan melihat rekabentuk

bangunan, ruang dan juga fasiliti yang ada di PHT untuk dijadikan benchmarking dalam penyediaan kertas kerja rekabentuk bangunan pembinaan kampus baharu PMK. Lawatan kerja ini telah dirai oleh Pn. Wan Norliana Wan Sulong, Timbalan Pengarah Akademik, PHT, bersama lima pegawai lain.



PHT DAN PPD

Lawatan kolaborasi Politeknik Hulu Terengganu(PHT) ke Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Terengganu(PPD) telah diadakan pada hari ini diketuai oleh Timbalan Pengarah Akademik PHT, Pn. Wan Norliana Wan Sulong bersama ketua jabatan akademik PHT yang mana bertujuan untuk memperkasakan pendidikan di Hulu Terengganu.



MAJLIS PERASMIAN INKUBATOR KEUSAHAWANAN JP

Telah berlangsung pagi tadi, perasmian inkubator keusahawanan JP yang diberi nama D'JP KIOSK oleh Pengarah PHT, Tn.Hj. Wan Mohd Hujjatullah bin Wan Ghazali, A.N.S.



PROGRAM KERJASAMA PUSPANITA PHT BERSAMA BANK ISLAM

Bicara Ilmu bersama Bank Islam bertajuk "Berbeza namun bermakna" telah disampaikan oleh Ustaz Abdul Hadi AB Rahman, Pegawai Hal Ehwal Islam. Bicara Ilmu ini telah diadakan secara maya dihoskan oleh Ustaz Noor Fiteri Ab-

dullah. Program ini juga anjuran Puspanita PHT dengan kerjasama ULPL PHT dan juga Bank Islam. Program ini dihadiri kira-kira 50 orang warga kerja PHT bersama pelajar PHT



LAWATAN PENANDAARAS PHT DAN PJK

Satu lawatan penandaaras ke Politeknik Jeli Kelantan telah diadakan pada hari ini melibatkan tiga pegawai dari PHT yang mana diketuai oleh Pengarah PHT, Hj. Wan Mohd Hujjatullah bin Wan Ghazali, A.N.S. Lawatan ini bertujuan untuk memperkasakan bidang tujahan iaitu pelancongan yang mana mengembangkan 'agro tourism' dan 'aqua tourism'.



KURSUS ASAS RENANG

Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti telah mengadakan Kursus Asas Renang kepada pelajar DRT bagi memberi pendedahan kepada pelajar tentang teknik asas renang juga bagi pendedahan tentang kebolehan menyelamatkan diri sendiri serta orang lain di

dalam situasi kecemasan serta dapat memupuk semangat kerjasama, berpengetahuan dan berdisiplin. Kursus ini dikendalikan oleh Penyarah dari Diploma Pelancongan Rekreasi diketuai oleh En. Mohd Azamrul Harun.



PUSPANITA PHT DAN QUMBERLAND

Satu lawatan melibatkan jawatankuasa tertinggi Puspanita PHT telah ke Qumberland diadakan pada hari ini. Qumberland memfokuskan bidang pertanian timun yang mana mengkhususkan produk mentimun keluaran tem-

patan, pemasaran produk mentimun (pickle) dan pelancongan agro. Program lawatan ini diadakan bertujuan bagi membincangkan program Puspanita dan Qumberland pada masa akan datang.



SUASANA PILIHANRAYA KAMPUS PHT

Pilihanraya kampus 2021 di Politeknik Hulu Terengganu dijadualkan berlangsung 7 April ini. Kemeriahan kempen pilihanraya ini dapat dilihat apabila calon-calon menggantung poster dengan moto yang amat menarik. Terbaik. Semoga amanah yang bakal digalas dilaksanakan dengan sebaiknya.



PROGRAM ANJURAN JPH PHT DAN KELAB PHT TRAVEL PHT

Simulasi TGT untuk tahun 2021 bakal diadakan di Tasik Kenyir melibatkan pelajar DUP3. Kali ini Tasik Kenyir menjadi pilihan berikutan Tahun Melawat Kenyir giat dipromosikan oleh pihak yang terlibat. Program Simulasi ini adalah anjuran JPH dengan kerjasama Kelab PHT Travel.



PUSPANITA PHT

Program Sekampit Beras anjuran PUSPANITA PHT mendapat sambutan yang baik dari pelbagai pihak. Hampir 300 kampil beras telah diperolehi hasil sumbangan dari banyak pihak. Beras-beras ini juga telah dihantar oleh pembekal beras Jati Kuala Berang kepada jawatankuasa tertinggi PUS-

PANITA diketuai oleh Naib Pengerusi PUSPANITA, Pn. Wan Norliana Wan Sulong. Terima kasih dan Tahniah kepada PUSPANITA PHT di atas usaha murni yang telah dijalankan. Program ini akan diadakan pada bulan Ramadan nanti.



JPH TRIBUTE TO TOURISM

Simulasi Tourist Guiding Techniques telah berakhir dengan jayanya dengan pencapaian PPI sebanyak 10 jam. Pensyarah pelawat industri terdiri dari Pengarah Urusan Go Nature Travel and Tour, En. Fahmi dan En. Mohd Hakim Mohamad selaku Instructor Basic Life Support Hulu Terengganu.



JPH PHT dengan kerjasama RTA (Recreation Training Academy) telah mengadakan Kursus Asas Kayak 1 pada hari ini melibatkan pensyarah dan pelajar dari Program Diploma Pengurusan Pelancongan (DUP).



Bertempat di Pusat Rekreasi PHT, latihan amali pemasangan khemah bagi kursus Terrestrial telah diadakan melibatkan pelajar dari DUP2. Kursus ini telah dikendalikan oleh En. Fahimdin Mohd Yusof @Kamal



OLEH: NURUL ILYANI ABDULLAH

LAWATAN KOLABORASI

Lawatan kolaborasi Politeknik Hulu Terengganu ke Duyong Marina & Resort bagi membincangkan hasrat kerjasama diantara PHT dan Duyong Marina & Resort berkaitan dengan Program Baharu iaitu Program Diploma

Pengurusan Resort (DHR). Lawatan ini diketuai oleh Pn Wan Norliana, Timbalan Pengarah Akademik, Pn Syuhairah selaku Ketua Unit CISEC, Cik Nur Hidayah, Ketua Program DHR dan wakil pensyarah DHR.



PILIHANRAYA KAMPUS

Pilihanraya kampus bagi Sesi 2021/2022 sedang berlangsung di Politeknik Hulu Terengganu. Pihak pengurusan atasan diketuai oleh Pengarah PHT, Tn.Hj.Wan Mohd Hujjatullah bin Wan Ghazali, A.N.S telah melawat tempat pilihanraya yang diada-

kan pada pagi ini. Sesi pilihanraya pada kali ini berjalan dengan lancar mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh PHT dan KKM.



PUSPANITA DAN KELAB KEBAJIKAN DAN STAF

Sebanyak 100 kampakit beras dari Program Pusp Anita iaitu Sekampit Beras Satu Keluarga hasil sumbangan dari pelbagai pihak telah diserahkan kepada Pengerusi Kelab Kebajikan Staf untuk Program Bakul Ramadhan. Terima kasih kepada Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, Dr Hj

Abu Bakar yang sudi membuat pengagihan sumbangan tersebut.



KEPUTUSAN PILIHANRAYA

Majlis pengumuman calon PRK Politeknik Hulu Terengganu yang berjaya bagi sesi 2020/2021 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Harmoni, PHT dan turut dihadiri oleh Inspektor Shazli dari cawangan khas IPD Kuala Berang.



KURSUS SEMBELIHAN HALALAN TOYYIBAN

Bertempat di Pusat Islam PHT, telah berlangsung kursus Sembelihan di Masjid Al Muhibbin pada 12 April 2021. Program ini dilaksanakan untuk memberi kesedaran halalan toyyiban kepada para pelajar serta cara sembelihan mengikut syariat Islam.

Kursus Sembelihan ini juga disertakan dengan latihan amali cara penyembelihan ayam mengikut syariat Islam yang diketuai oleh En.Noor Fiteri Abdullah.



PHT DAN PUSPANITA

Program PUSPANITA PHT, Sekampit Beras Satu Keluarga telah dijalankan pada hari ini, 1 Ramadan 2021. Para pekerja pembersihan dan keselamatan telah menerima sumbangan beras yang telah disumbangkan dari pelbagai pihak kepada pihak pengurusan PUSPANITA

sebelum ini. Sumbangan beras ini telah diserahkan oleh Pengarah PHT, Hj Wan Mohd Hujjatullah bin Wan Ghazali, A.N.S bersama Naib Pengerusi PUSPANITA PHT, Pn. Wan Norliana Wan Sulong dan Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, Dr. Haji Abu Bakar Zakaria.



JABATAN PENGAJIAN AM PROGRAM BERIMPAK TINGGI

KURSUS SEMBELIHAN HALALAN TOYYIBAN

Bertempat di Pusat Islam PHT, telah berlangsung kursus Sembelihan di Masjid Al Muhibbin pada 12 April 2021. Program ini dilaksanakan untuk memberi kesedaran halalan toyyiban kepada para pelajar serta cara sembelihan mengikut syariat Islam. Kursus Sembelihan ini juga disertakan dengan latihan amali cara penyembelihan ayam mengikut syariat Islam yang diketuai oleh En.Noor Fiteri Abdullah.



Program ini telah memberi kesedaran halalan toyyiban kepada para pelajar serta cara sembelihan mengikut syariat Islam. Kursus Sembelihan ini juga disertakan dengan latihan amali cara penyembelihan ayam mengikut syariat Islam yang diketuai oleh En.Noor Fiteri Abdullah. Program ini adalah anjuran Jabatan Pengajian Am dengan DUP5 dan DAT5.



WEBINAR AKADEMA WADAH KELESTARIAN UMMAH DI ERA DIGITALISASI

Program webinar ini telah dapat membincangkan isu-isu pendidikan dalam kalangan akademia PHT.



OLEH: WAN NORLAILI WAN ABDUL MANAN

PROGRAM SEKAMPIT BERAS SATU KELUARGA

Program Sekampit Beras Satu Keluarga diteruskan lagi pada 2 Ramadan 1442H semalam. Naib Pengerusi Puspanita PHT, Pn. Wan Norliana Wan Sulong telah mengetuai pemberian sumbangan pada kali ini. Terima kasih pada para dermawan yang telah menyumbang wang mahupun beras dalam program ini.



WATIKAH PELANTIKAN MPP

Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah berlangsung 15 April 2021. Majlis Perwakilan Pelajar yang telah dibentuk selepas pilihanraya yang diadakan pada 7 April 2021 yang lalu telah menerima watikah pelanti-

kan yang disampaikan oleh Pengarah PHT, Hj. Wan Mohd Hujjatullah Wan Ghazali, A.N.S



PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT

Sekitar 'Program Jom Baca Bersama 10 Minit 2021' secara serentak di seluruh Malaysia telah dijalankan juga di Politeknik Hulu Terengganu.



PERSEDIAAN PROGRAM BAKUL RAMADAN

Barang-barang untuk Program Bakul Ramadan telah sampai dari pihak pembekal. Bakul Ramadan ini adalah sumbangan dari orang ramai dan akan diagihkan kepada golongan kurang berkemampuan oleh urusetia bakul Ramadan iaitu Kelab Kebajikan Staf PHT dan juga pelajar DUP 4



PERJUMPAAN PENGARAH PHT BERSAMA PELAJAR PATUH SOP

Pengarah PHT, Wan Mohd Hujjatullah bin Wan Ghazali, A.N.S bersama pengurusan tertinggi PHT telah mengadakan perjumpaan bersama pelajar PHT sebelum pelajar pulang ke kampung halaman masing-masing sempena musim perayaan ini. Perjumpaan ini telah mengikut SOP KKM yang telah ditetapkan.



PROGRAM PPI ANJURAN JP DAN UNIT KEUSAHAWANAN

Program Pensyarah Pelawat Industry dan Pembudayaan keusahawanan : I want To Be No #1 On Shopee anjuran Jabatan Perdagangan dengan kerjasama Unit Keusahawanan PHT telah disampaikan oleh Puan Suzila

Yusof dan Puan Norlaili Abdullah dari Sudii Resources. Ia diadakan pada hari ini di Makmal Komputer. Program ini telah mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh KKM.




PPI KURSUS UNDANG-UNDANG KONTRAK

PPI Kursus undang-undang kontrak bersama Tuan Idzfar dari Idzfar Azhar Associates yang melibatkan pelajar DAT2A. Pelajar dapat meningkatkan pengetahuan dalam Undang-Undang Kontrak oleh pengamal perundangan dan juga pengalaman sebenar pengamalan undang-undang kontrak dalam kehidupan harian



PROGRAM TALK BERSAMA MICPA

Program Talk bersama MICPA berkaitan Forensic Accounting bersama dengan Mr Boyle Wong Yeng Hui, Manager Ernst & Young PLT, Forensic and Integrity Services. Melibatkan pelajar DAT 2. Pelajar dapat menambah ilmu pengetahuan dalam Forensic Perakaunan dan memberi pengetahuan kepada pelajar mengenai penggunaan microsoft powerpoint yang berkesan dalam membuat satu-satu pembentangan. Seminar ini secara langsung sangat sesuai untuk diikuti oleh pelajar kerana ianya boleh digunakan dalam meningkatkan kemahiran komputer dan teknologi semasa membuat tugas pembentangan.



ACCOUNTING CONFERENCE 2021

Accounting Conference 2021 anjuran MIA dan UNISEL (29-30 Mei 2021). Melibatkan pelajar DAT 4.

Objektif utama seminar ini adalah untuk memberi pengetahuan kepada pelajar mengenai profesion perakaunan dan untuk melengkapkan mereka dengan pengetahuan mengenai apa yang diperlukan dari mereka

sebagai akauntan profesional dalam era perniagaan digitalisasi baru. Seminar ini secara langsung sangat sesuai untuk diikuti oleh pelajar kerana ianya boleh digunakan dalam meningkatkan pengetahuan terhadap isu-isu semasa



PROGRAM IKHLAS RAMADAN

Bertempat di Dewan Batu Bersurat PHT, satu program diberi nama Ikhlas Ramadan kelolaan pelajar DUP4 dengan kerjasama Kelab Kebajikan Staf PHT juga PUSPANITA PHT telah diadakan dengan jayanya.

Bakul Ramadan dan duit raya ini telah diserahkan kepada pekerja keselamatan dan kebersihan juga anak yatim dalam kalangan pelajar PHT oleh Pengarah

PHT, Wan Mohd Hujjatullah Wan Ghazali, A.N.S, Dr. Abu Bakar Zakaria, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik dan Pn. Hajah Salwani Abdul Manan.

Sumbangan ini adalah hasil kutipan dari kelab dan PUSPANITA serta kutipan sumbangan dari pelbagai pihak. Terima kasih kepada semua penyumbang untuk program ini.



MPP PHT DAN PERSATUAN MAHASISWA HULU TERENGGANU

YDP Majlis Perwakilan Pelajar PHT, Mohd Arif telah menerima kunjungan dari wakil Persatuan Mahasiswa Hulu Terengganu bagi memberi sumbangan sempena Program Ikhlas Ramadan yang diadakan pada 5.5.2021. Terima kasih diucapkan di atas sumbangan yang telah diberikan.



PROGRAM IKHLAS RAMADAN DI PUSAT ISLAM

Bertempat di Pusat Islam Al Hijrah program memasak bubur lambuk dan makanan berbuka untuk seluruh warga PHT serta untuk dihantar ke Madrasah Tahfiz Kuala Jeneris telah diadakan dengan jayanya dengan kerjasama pekerja kebersihan PHT, pensyarah JPH, Kelab Keba-



jikan Staf dan pelajar DUP 4 yang mengambil kursus

Event Management pada semester ini. Pengarah PHT, Wan Mohd Hujjatullah bin Wan Ghazali, A.N.S bersama Ketua Unit HEP, Abdullah @ Yusof Yaacob juga turut sama ke tapak program bagi memasak menu berbuka dan bubur lambuk. Menu berbuka pada kali ini nasi minyak serta bubur lambuk resipi Kuala Jeneris.

PENGAGIHAN MENU BERBUKA DAN BUBUR LAMBUK

Bertempat di lobi PHT, Pengarah Politeknik Hulu Terengganu(PHT), Hj. Wan Mohd Hujjatullah Wan Ghazali, A.N.S diiringi oleh Timbalan Pengarah Akademik PHT,Pn. Wan Norliana Wan Sulong serta Pengerusi PUSPANITA PHT, Pn Hajah Salwani Abdul Manan telah menyampaikan menu berbuka dan bubur lambuk kepada warga PHT

bersempena Program Ikhlas Ramadan yang dianjurkan oleh pelajar DUP4.



PPI DI PHT

Pelajar DAT 2 telah menghadiri Kursus Undang-Undang Kontrak bersama pensyarah pelawat industri, Tuan Idzfar dari Idzfar Azhar Associates. Penutup kursus ini telah dihadiri oleh Timbalan Pengarah Akademik PHT, Pn.Wan Norliana Wan Sulong dan Ketua Jabatan Perdagangan, Pn.Azmah Salleh.



PROGRAM SUMBANGAN WAKAF AL-QURAN

Bertempat di Pusat Islam Alhijrah PHT, Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu telah memberi sumbangan waqaf AlQuran sebanyak 50 naskhah. Sumbangan telah diterima oleh Ketua Unit Hal Ehwal Pelajar, En. Abdullah @Mat Yusof Yaacob.



HARI KELAB KO-KURIKULUM PHT 2021(INOVASI DAN REKA CIPTA)

Telah berlangsung HARI KELAB KO-KURIKULUM PHT 2021 (INOVASI DAN REKA CIPTA) di Politeknik Hulu Terengganu. Program ini merupakan pembentangan hasil produk pelajar secara atas talian. Pembentangan ini menampilkan 9 produk oleh pelajar Diploma Akauntansi (DAT2)



PERTANDINGAN GURINDAM DI PHT

Telah berlangsung Pertandingan Gurindam bersempena Hari Kelab Ko-kurikulum 2021 di Politeknik Hulu Terengganu pada hari ini secara atas talian. Program ini merupakan projek Kelab Gurindam PHT yang dipimpin oleh pensyarahnya Pn. Zaidah Mamat. Pertandingan ini telah diadili oleh pensyarah kelab iaitu selaku penyelaras kursus, dan juga

Pn.Nurul Ilyani Abdullah. Puisi tradisional yang telah dialunkan oleh para peserta amat menarik yang mana menolak tanggapan bahawa generasi kini melupakan seni yang ditinggalkan oleh nenek moyang dari zaman berzaman. Tahniah para peserta. Persembahan terbaik dipilih dari nombor 1 hingga 3.



POLI PRIHATIN

Bertempat di Kamsis Lelaki PHT, Tn.Hj Wan Mohd Hujjatullah bin Wan Ghazali, A.N.S, Pengarah PHT mengadakan perjumpaan ringkas dengan mengikut SOP KKM yang telah ditetapkan bersama pelajar-pelajar yang terkandas di kamsis semasa PKP. Program ini bertujuan un-

tuk memberi kata-kata semangat dan sedikit sumbangan hamper sebagai tanda prihatin dan cakna PHT terhadap kebajikan pelajar-pelajar semasa situasi COVID ini.Seramai 6 orang pelajar lelaki PHT masih di kamsis berikutan kawasan rumah mereka dalam zon PKPD. Hadir sama, Timba-



lan Pengarah Akademik, Pn. Wan Norliana Wan Sulong dan Dr.Hj Abu Bakar Zakaria, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik

PERTANDINGAN VIDEO COVID-19 DI PHT-KELAB KAUNSELING PHT

Telah berlangsung Pertandingan Video tentang Covid-19 bersempena Hari Kelab Kokurikulum 2021 di Politeknik Hulu Terengganu pada hari ini secara atas talian. Program ini merupakan projek Kelab Kaunseling PHT yang dipimpin oleh pensyarahnya En. Azmi Bin Ismail. Pertandingan ini telah diadili oleh pensyarah kelab iaitu selaku penyelar kursus, dan juga Pn. Nor Ain Solihah binti Mohd Razali. Video yang telah dipersembahkan oleh para peser-

ta amat menarik yang mana penting untuk kita semua tahu mengenai info semasa Covid-19. Tahniah para peserta. Persembahan terbaik dipilih dari nombor 1 hingga 3.



PEMBENTANGAN PROJEK AKHIR SESI DIS 2020

Telah berlangsung Pembentangan projek akhir pelajar sesi Disember Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti di Politeknik Hulu Terengganu. Tema : Website Development "The beautiful of Terengganu". Pembentangan ini menampilkan 6 hasil projek inovasi pembangunan laman web oleh pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan (DUP5A).Projek

inovasi ini telah dinilai oleh Dr Zatul Iffah Mohd Fuza Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan UiTM Cawangan Terengganu dan Encik Muhammad Zainol Bin Mohamad Pegawai Teknologi Maklumat Politeknik Hulu Terengganu. Pembentangan terbaik menerima wang tunai RM 120, RM 90 dan RM 60 dan lain-lain menerima hadiah saguhati. Di

harapkan hasil projek inovasi ini akan menjadikan pelajar berdaya saing dan berfikiran kreatif dan inovatif dalam mendepani cabaran norma baharu ini.




PROGRAM PENGANTARABANGSAAN SUMMER CAMP BETAWI CULTURE 2021

Program Pengantarabangsa "Summer Camp Betawi Culture 2021" yg dianjurkan oleh Pendidikan Sejarah, Fakulti Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Universiti Muhammadiyah Prof. DR. HAMKA (UHAMKA), Jakarta, Indonesiatelah berjaya disertai oleh 10 org Pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan dibawah penyeliaan Pegawai Pengantarabangsaan PHT, Cik Nur Hidayah Hassan. Program ini bermula pada 18 hb Jun 2021 hingga

24hb Jun 2021. Program ini juga turut disertai oleh pelbagai negara. Dengan bertemakan "Introduction 8 Icons Betawi Culture" program ini dapat memberi pendedahan kepada peserta berkaitan budaya dan kesenian masyarakat Betawi. Peserta juga diberi tugas secara individu untuk setiap slot yg dihadiri bagi melayakkan peserta menerima sijil penyertaan. Berikutan

dengan pandemik Covid19, Program ini dijalankan secara virtual. Tahniah dan syabas kepada peserta.




LAWATAN PKDHT KE PHT

Satu lawatan daripada pihak Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Terengganu (PKDHT) ke PHT telah diadakan bagi melihat kesediaan PHT dalam menyediakan 'Program Outreach' untuk masyarakat sekitar pada masa akan datang.




BENKEL DRT PHT DAN PMS

Bengkel Kerja Pemurnian Kurikulum Program Diploma in Recreational Tourism (DRT) bagi Tujuan Maklumbalas MQA01 Politeknik Hulu Terengganu dan MQA02 Politeknik Muadzam Shah diadakan secara dalam talian menggunakan aplikasi Google Meet. Selamat berbengkel peserta dari PHT.



PEPERIKSAAN PAIt DI PHT

Peperiksaan Penilaian Alternatif (PAIt) untuk subjek di Jabatan Pelancongan Hospitaliti diadakan secara dalam talian sepanjang bulan Jun 2021.



BENGGEL/KURSUS DI PHT BULAN JANUARI-JUN 2021


BENGGEL PENYEDIAAN ITEM PENILAIAN BERTERUSAN JPH SESI DIS 2020

Pada 22-25 Februari 2021, JPH dengan kerjasama ULPL telah menganjurkan Bengkel Penyediaan Item Penilaian Berterusan JPH sesi Dis 2021. Objektif adalah menyiapkan semua bentuk penilaian berterusan bagi semua kursus di bawah program yang ditawarkan oleh JPH. Bengkel ini menjadi platform perkongsian ilmu para pensyarah.



KURSUS ANALISIS DATA MENGGUNAKAN SPSS

Pada 16-17 Mac 2021 Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersial dengan kerjasama ULPL telah menganjurkan Kursus Analisis Data Menggunakan SPSS. Kursus ini dianjurkan bagi memperkasakan tahap pengetahuan dan kemahiran para pensyarah. Disamping itu juga membolehkan para pensyarah membuat persediaan untuk menghasilkan penulisan dalam bentuk penyelidikan.



BENGGEL PEMANTAPAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI PHT

Pada 29 Mac 2021 UJK dengan kerjasama ULPL menganjurkan Bengkel Pemantapan Sistem Pengurusan Kualiti PHT. Objektif bengkel ini ialah menyebarkan maklumat yang berkaitan dengan perubahan dalam pelaksanaan PdP mengikut Gatis Panduan yang dikeluarkan oleh JPPKK. Memberi penerangan mengenai entrance, exit course dan programme survey bagi setiap program dan kursus. Selain itu juga, memberi penerangan mengenai pengiraan CORR dan PLORR bagi setiap akhir semester.



OLEH: DAMELIZA DAMAIN

BENGGEL DI PHT BULAN JANUARI-JUN 2021

BENGGEL PEMANTAPAN AUDIT DALAMAN

Pada 6-7 April 2021, Bengkel Pemantapan Audit Dalaman—Penulisan Nota Audit dan Kaedah Penetapan Klausa telah diadakan dan dihadiri 22 orang peserta yang merupakan pasukan audit dalaman PHT. Penceramah jemputan ialah Pn. Suhaini Bt Hj Hassan dari Mercu Inovasi Consultation and Training. Bengkel ini dapat memperkasa kemahiran mengaudit dan penulisan audit yang sepatutnya pada seseorang juruaudit.



BENGGEL SEMAKAN, PENGESAHAN DAN PENYERAHAN DERAJAT ITEM DAN PERATURAN PEMARKAHAN PEPERIKSAAN AKHIR

Pada 11&12 April 2021, seramai 11 orang peserta bengkel yang terdiri daripada pensyarah penggubal item peperiksaan akhir, panel penyemak yang terdiri daripada Ketua Jabatan dan Ketua Program, penyemak Bahasa dan urusetia terlibat secara langsung dalam bengkel ini. Objektif bengkel ini untuk memastikan item peperiksaan akhir yang digubal adalah berkualiti serta lengkap seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan dan Penulisan Kertas Item Peperiksaan Akhir Politeknik Malaysia dan mengikut Final Examination Specification Table (FEIST).

BENGGEL REVIEW OBE DAN OBA

Pada 15 & 16 Jun 2021, ULPL PHT telah menganjurkan Bengkel Review OBE dan OBA khususnya kepada 48 orang pensyarah PHT. Penceramah jemputan ialah Pn. Nor'Aziah Binti Hj Abdllah dari Politeknik Kota Bharu. Objektif bengkel ini ialah meningkatkan pengetahuan dan pemahaman serta menambahbaik sistem pembelajaran. Justifikasi pelaksanaan program adalah untuk memberi pemahaman mengenai OBE, interpretasi Kurikulum dan rubrik.



OLEH: DAMELIZA DAMAIN

PHT DI MEDIA CETAK



Utusan Malaysia, 9.2.2021
Ruangan Komuniti Kita
100 keluarga terima sumbangan PHT, MyCas



Politeknik Hulu Terengganu



polihuluterengganu_official



polihulutrg

PHT DI MEDIA CETAK

42 KOMUNITI KITA

Komuniti Kita

Hentakan gambar aktiviti bersama ketecangan!
 @utusanwww@mediamulia.com.my

Zahidi penaung PWP

YUSOFF AH Mentera Kemudahan dan Malawanda, Ketua Zahid Zaidi Alaudin yang juga Ahli Parlimen Padang Besar Alantik sebagai penaung Perutusan Wartawan Perlis (PWP).

Siti yad-artikan tarabud diwaratkan oleh Presiden PHT Malawanda Kari Shuhri kepada Zahidi dalam sesi Meera Media pada program Jelajah Malaysia Prihatin di Dewan Rames Alak

Tanjung, Beneri, Padang Besar baru-baru ini.
 Zahidi berkata, beliau berhasrat untuk dengan perutusan tarabud dan tarabud ahli perutusan berkesmangan dapat

terasa mengor tarabud atika tarabud tarabud dengan tarabud tarabud yang tarabud tarabud.
 * JAAHRII Zahid Alantik tarabud dari tarabud tarabud ahli perutusan tarabud tarabud

padu tarabud tarabud Meera Media pada Program Jelajah Malaysia Prihatin di Dewan Rames Alak Tanjung, Beneri, Padang Besar, Perlis baru-baru ini. - 17/11/2021 (17/11/2021)

KENYATAAN TENDER

NO. NULISAN PELABARAN	KEPERLUAN TENGAH	ALOKASI	TARIKH / TEMPAT TARIKH	TARIKH TUP
Das 2024/1027	Pakej Agensi Pengurusan (Kwsp) Bagi Mengendalikan Persekitaran dan Penyelenggaraan KAWSP 2021 - 2024	KAW - 202401/202402/202403/202404/202405/202406/202407/202408	Tarikh: 24 Mar 2021 (Jumaat) Tempat: Alantik Beneri	14.04.2021 (Jumaat)
Das 2027/11181	Pakej Agensi Pengurusan (Kwsp) Bagi Mengendalikan Persekitaran dan Penyelenggaraan KAWSP 2021 - 2024	KAW - 202401/202402/202403/202404/202405/202406/202407/202408	Tarikh: 24 Mar 2021 (Jumaat) Tempat: Alantik Beneri	

Puspanita PHT raikan Hari Wanita

PERSATUAN Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (Puspanita) Politeknik Hulu Terengganu (PHT) memperingati tradisi tahunan dalam merayakan perayaan Hari Wanita dengan sambutan Hari Wanita di Politeknik Hulu Terengganu, baru-baru ini.
 Kira-kira 20 ahli perutusan hadir dalam majlis sambutan secara sasterhams yang dihosni Pengarahnya,

Selamat Akhlak Mural
 Sambutan kali ini turut disertai dengan persembahan seni dan muzik serta hiburan yang diadakan secara langsung.

* KUSA-KUSA 20 ahli Puspanita Politeknik Hulu Terengganu diraikan dalam majlis sambutan Hari Wanita di Politeknik Hulu Terengganu, baru-baru ini. - 17/11/2021 (17/11/2021)

Utusan Malaysia, 24.3.2021
 Ruang Komuniti Kita
 Puspanita PHT raikan Hari Wanita



Politeknik Hulu Terengganu



polihuluterengganu_official



polihulutrg

AKTIVITI PHT JANUARI—JUN 2021

12 April 2021 – Kursus Kayak Di Kolam Akuatik, PHT



Anjuran Jabatan Pelancongan & Hospitaliti (JPH)



OLEH: AFIFATUN NADHIRAH AWANG



Anjuran Jabatan Pengajian Am (JPA)



Politeknik Hulu Terengganu



polihuluterengganu_official



polihulutrg

April 2021 – Program “Sekampit Beras Satu Keluarga” Sepanjang Ramadhan 1442H



Agihan 100 kampil beras kepada komuniti setempat di bawah anjuran PUSPANITA PHT

22 April 2021 – Program “Jom Baca 10 Minit” di Pusat Sumber Darul Hikmah, PHT



20 Mei 2021—Program “#Al-Mulk Quran World Hour” Di Pusat Sumber Darul Hikmah, PHT



Anjuran Unit Perpustakaan, PHT

MENARIK EDISI JULAI-DISEMBER 2021

- ◆ **PHT** JADI PUSAT PEMBERIAN VAKSIN
(PROGRAM OUTREACH IMUNISASI COVID-19 HULU
TERENGGANU)
- ◆ RECERTIFICATION AUDIT MS ISO 9001:2015
 - ◆ SUKARELAWAN VAKSIN PHT
 - ◆ HARI AKADEMIA PHT



<https://pht.mypolycc.edu.my/>



Politeknik Hulu Terengganu



polihuluterengganu_official



polihulutrg

PHT HEBAT

EDISI 2
JULAI-
DISEMBER 2021

Menarik Edisi Ini

- ◆ PHT JADI PUSAT PEMBERIAN VAKSIN
- ◆ RECERTIFICATION AUDIT MS ISO 9001:2015
- ◆ SUKARELA WAN VAKSIN PHT
- ◆ HARI AKADEMI PHT

Isi kandungan

Julai	2-4
Ogos	5-6
September	7-8
Oktober	9-11
November	12-20
Disember	21-26
JPH	27-28
JP	29-32
JPA	33
Bengkel /Kursus di PHT	34-38
Foto aktiviti PHT	39-45
Amanat Pengarah	46

TIMBALAN MENTERI HADIR KE PROGRAM OUTREACH IMUNISASI COVID-19 DI PHT

Program suntikan vaksin dos pertama Covid-19 untuk seluruh warga kerja PHT dilaksanakan hari ini sempena program outreach Imunisasi Covid-19 komuniti Hulu Terengganu yang diadakan di Dewan Besar Batu Bersurat, PHT. Program ini adalah anjuran PKD KKM, MDHT dengan kerjasama PHT.



Turut hadir Dato' Hj. Rosol Wahid Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna merangkap Ahli Parlimen Hulu Terengganu juga mengiringi, Pengarah PHT, Hj. Wan Mohd Hujjatullah bin Wan Ghazali, A.N.S, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik PHT, Dr. Hj. Abu Bakar Zakaria, serta Adun Hulu Tememong, Adun Kuala Berang juga Pegawai Daerah Hulu Terengganu.

SIDANG EDITORIAL

Penaung

Hj. Wan Mohd Hujjatullah bin Wan Ghazali, A.N.S

Ketua Editor

Nurul Ilyani Abdullah

Editor

Wan Norlaili Wan Abdul Manan

Norimah Annuar @Mohd Tahir

Dameliza Damain

Afifatun Nadhirah Awang

Mohd Hishamudin Mat

DARI MEJA EDITOR

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

PHT Hebat merupakan buletin PHT yang memuatkan kisah kecemerlangan warga kerja PHT. Warga kerja PHT sentiasa melakukan yang terbaik untuk tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Warga kerja PHT sentiasa cekal dan berusaha mencipta nama dalam bidang masing-masing.

Syukur Alhamdulillah PHT HEBAT Bil 2/2021 Edisi JULAI-DISEMBER 2021 telah dapat diterbitkan dengan jayanya hasil kerjasama sidang editorial dan Warga kerja PHT yang turut sama berkongsi idea serta memberi inspirasi. Terima kasih kepada yang membaca PHT Hebat edisi yang kedua ini.

Selamat Membaca.

Nurul Ilyani Abdullah

SERAHAN BANTUAN MAKANAN

The Clean Air Forum Society of Malaysia (MyCAS) dengan kerjasama Politeknik Hulu Terengganu (PHT), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Hulu Terengganu, Dewan Wanita Majlis Dakwah Negara dan Salimah telah menjalankan misi penyerahan bantuan makanan kepada golongan yang terjejas akibat pandemik COVID-19 yang melanda

Malaysia. Usaha ini dilakukan agar dapat meringankan bebanan sebilangan penduduk tempatan yang hilang pendapatan atau menghadapi kesukaran disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan yang telah dikuatkuasakan sejak tahun lalu. Misi di Hulu Terengganu ini diketuai oleh Dr Abu Bakar bin Zakaria serta dibantu oleh

Pejabat Penyelaras DUN Telemong bersama pasukan sukarelawan yang terdiri daripada pegawai PHT, pegawai JKM serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM). Segala keperluan barangan sumbangan ini telah dikumpulkan di PHT dan diagihkan kepada penerima dengan bantuan Pejabat Dun Telemong.



PHT JADI PUSAT PEMBERIAN VAKSIN

PKDHT KKM, MDHT dengan kerjasama PHT akan menganjurkan program outreach vaksinasi yang melibatkan penyertaan lebih 1500 penduduk sekitar untuk suntikan vaksin. Program ini akan berlangsung pada 10 Julai 2021 bertempat di Dewan Batu Bersurat, Politeknik Hulu Terengganu.

Persiapan rapi telah dijalankan di PHT bagi menerima kehadiran penerima vaksin di kawasan Hulu Telemong dan warga kerja PHT ini. PHT buat pertama kalinya telah menjadi pusat pemberian vaksin di kawasan Hulu Terengganu.



PROGRAM OUTREACH IMUNISASI COVID-19 HULU TERENGGANU

Program suntikan vaksin dos pertama untuk seluruh warga kerja PHT dilaksanakan pada hari ini sempena program outreach Imunisasi Covid-19 komuniti Hulu Terengganu yang diadakan di Dewan Besar Batu Bersurat, PHT.

Program anjuran PKD KKM, MDHT dengan kerjasama PHT ini menasarkankan 2500 suntikan vaksin untuk penduduk sekitar. Tahniah kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program ini.



SUKARELAWAN VAKSIN PHT

Telah berjalan program Program Outreach Imunisasi Covid-19 di PHT pada hari ini dengan kerjasama PKDHT, KKM, MDHT. Sukarelawan Vaksin dari PHT seramai 20 orang termasuk 5 orang pelajar PHT telah membantu penduduk setempat di dalam program yang pertama kalinya diadakan di PHT



PENGHANTARAN PELAJAR PULANG



Unit HEP dengan kerjasama Unit Pentadbiran PHT terlibat dalam proses penghantaran pulang pelajar Politeknik Hulu Terengganu ke kampung halaman. Ini bersempena cuti semester dan telah mendapat kelulusan dari pihak berkuasa. Pelajar telah dihantar ke Changlun, Kedah, Pekan, Pahang dan Batang, Melaka.

DOS PERTAMA VAKSINISASI

Staf PHT telah selesai menerima vaksin Covid-19 di Dewan Batu Bersurat, Politeknik Hulu Terengganu. Kira-kira 90 orang warga kerja PHT telah menerima dos pertama vaksinasi bersempena dengan PHT menjadi pusat vaksin di Hulu Terengganu.





RECERTIFICATION AUDIT MS ISO 9001:2015

Recertification Audit MS ISO 9001:2015 akan dijalankan pada 12-13 Julai 2021 secara dalam talian menggunakan platform Team. Sesi pengauditan oleh pihak SIRIM QAS melibatkan temuramah bersama Pengarah PHT, Hj. Wan Mohd Hujjatullah Wan Ghazali, A.N.S serta semua jabatan/unit yang terlibat dan Pn.Hajjah Hanida secara dalam talian.





PEPERIKSAAN PAIt DI PHT

Peperiksaan Penilaian Alternatif(PAIt) di PHT.



PERBENTANGAN LATIHAN INDUSTRI PELAJAR JABATAN PERDAGANGAN SESI DIS 2020

Pembentangan Latihan Industri Sesi Disember 2020 telah dilaksanakan pada 18 Julai 2021 secara atas talian yang melibatkan seramai 25 pelajar daripada Jabatan Perdagangan.



PROGRAM KEMPEN PHT BUMI HIJAU

Pelaksanaan Program Kempen Bumi Hijau telah diadakan di Politeknik Hulu Terengganu dengan rasminya pada hari ini. Melalui kempen ini 90 anak pokok telah ditanam di sekitar kediaman PHT. Pelancaran kempen ini juga telah dilaksanakan secara serentak pada pagi ini sebelum proses penanaman anak pokok bermula dan dirasmikan oleh Pengarah PHT, Hj. Wan Mohd Hujjatullah bin Wan Ghazali, A.N.S. Turut hadir, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik,

Dr. Hj Abu Bakar Zakaria selaku pengarah program, Pn. Wan Norliana Wan Sulong, Timbalan Pengarah Akademik PHT serta AJK Polygreen diketuai oleh Pn. Dina Abdul Khalik. Pelaksanaan kempen ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran semua warga kerja PHT mengenai pentingnya kawasan hijau untuk kesejahteraan dan kualiti hidup selain usaha untuk menambatkan ekosistem dan biodiversiti di PHT. Kempen ini

juga bertujuan memupuk semangat cinta alam semula jadi melalui penanaman pelbagai jenis anak pokok antaranya durian, durian belanda, kelapa, rambutan dan mangga.



PROGRAM OUTREACH IMUNISASI COVID-19 HULU TERENGGANU

Program suntikan vaksin dos kedua untuk penduduk di Hulu Terengganu dilaksanakan pada hari ini sempena program outreach Imunisasi Covid-19 komuniti Hulu Terengganu yang diadakan di Dewan Besar Batu Bersurat, PHT. Kali ini, program anjuran PKD KKM,

MDHT dengan kerjasama PHT ini memberikan 1000 lebih suntikan vaksin untuk penduduk sekitar. Terima kasih dan tahniah juga kepada sepuluh orang sukarelawan PHT yang turut serta menjayakan program ini dan juga kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini



SAYEMBARA DEKLAMASI PUISI KEMERDEKAAN

Empat orang pensyarah Politeknik Hulu Terengganu telah menyertai Sayembara Deklamasi Puisi Peringkat Negeri Terengganu, anjuran PELITA semalam. Pn. Wan Norliana Wan Sulong telah mendeklamasikan puisi Landskap Bangsa, Pn. Nur Adlina Mohd mendeklamasikan

puisi Aduhai Negaraku Permai, Pn. Nurul Ilyani mendeklamasikan puisi Tanah Warisan Kita dan Pn. Zaidah Mamat dengan puisi bertajuk Menjadi Laksamana. Semua puisi dipetik dari buku Tanggam Warisan. Tahniah Pn. Nurul Ilyani Abdullah telah memenangi hadiah saguhati dan membawa pulang wang kemenangan. Pertandingan ini ber-

langsung secara atas talian menggunakan platform *google meet*.



PROGRAM AMBANG MERDEKA NORMA BAHARU

Sempena dengan sambutan bulan kemerdekaan tahun 2021, Unit Hal Ehwal Pelajar PHT bersama Unit Peperiksaan PHT telah menganjurkan Program Ambang Merdeka Norma Baharu pada kali ini secara dalam talian. Seluruh warga PHT bersama-sama memeriahkan program kemerdekaan yang ke-64 bertepatan Malaysia Prihatin. Program ini bertujuan


memupuk semangat cintakan tanahair dan diharapkan dapat mengeratkan silaturahmi dalam kalangan warga PHT. Program ini telah dirasmikan dengan jayanya oleh Pengarah PHT, Hj. Wan Mohd Hujjatullah bin Wan Ghazali, A.N.S.



MESYUARAT PENGURUSAN

Politeknik Hulu Terengganu telah melaksanakan Mesyuarat Pengurusan secara atas talian menggunakan platform *WEBEX*. Pelaksanaan mesyuarat ini bertepatan dengan saranan MKN bagi

memastikan pematuhan SOP di tempat kerja perlu dipatuhi.



MESYUARAT DI PHT

Mesyuarat Proses Penyediaan Jadual Waktu Sesi 1 2021/2022 telah berlangsung secara dalam talian dalam platform *Google Meet* melibatkan Ketua Jabatan, Ketua Program dan Ketua Unit yang terlibat dipengerusikan oleh Timba-

lan Pengarah Akademik, PHT, Pn. Wan Norliana Wan Sulong.



BICARA MAYA SUKARELAWAN DALAM PELANCONGAN SIRI 1

Program Bicara Maya anjuran Kementerian Pelancongan Malaysia telah berlangsung hari ini secara dalam talian. Program ini melibatkan dua penceramah dari PHT iaitu Pn. Wan Norliana Wan Sulong, Timbalan Pengarah Akademik PHT, bersama Ketua Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti, En. Noor Fiteri Abdullah. Program ini berjalan dengan lancar dengan kehadiran peserta dari kalangan pelajar IPTA antaranya UMT dan PHT.



HADIAN UNTUK CABUTAN BERHADIAN KUIZ DISERAIKAN

YURAN PERCUMA

LIVE

MEDIUM: T

BICARA MAYA

SUKARELAWAN DALAM PELANCONGAN

SIRI 1&2: TARIKH 6 & 7 SEPTEMBER 2021

TOPIK 1 : APA ITU SUKARELAWAN DALAM PELANCONGAN

TOPIK 2 : INISIATIF SUKARELAWAN PELANCONGAN OLEH KERAJAAN


TOPIK 3 : PERKONGSIAN SUKARELAWAN PELANCONGAN DI DALAM NEGARA

TOPIK 4 : PERKONGSIAN SUKARELAWAN PELANCONGAN DI LUAR NEGARA

ANJURAN
Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Negeri Terengganu
Untuk maklumat lanjut sila hubungi: Puan Nurul Fida / Enick Hazim 09-6262946


BARISAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR YANG TERLIBAT DALAM MINGGU TRANSFORMASI SISWA (MTS)

Minggu Transformasi Siswa Sesi 1 2021/ 2022 telah dikelolakan oleh Unit Hal Ehwal Pelajar PHT, En. Yusof Yaacob dan En. Azmi Ismail serta barisan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dipimpin oleh Penasihat MPP, Pn. Herdayanty Abdul Vziz. Terima kasih diucapkan.



SELAMAT DATANG PELAJAR BAHARU

Minggu Transformasi Siswa Sesi 1 2021/ 2022 bermula pada hari ini melibatkan 140 orang pelajar dari empat kursus iaitu Diploma Akauntansi, Diploma Pengurusan Pelancongan, Diploma Pengurusan Resort dan Diploma Pelancongan Rekreasi. Selamat datang kepada semua pelajar baharu.



UCAPAN PENGARAH PHT KEPADA PELAJAR BAHARU

Minggu Transformasi Siswa Sesi 1 2021/ 2022 telah bermula pada hari ini melibatkan 140 orang pelajar. Sesi Ucapan Pengarah Bersama Pelajar-Pelajar Baharu telah berjalan dengan jayanya. Semoga amanat yang telah diberikan dapat dijadikan panduan kepada para pelajar dalam menempuh kehidupan di kampus dalam norma baharu ini.



SESI LATIHAN PENGUJIAN DAN PENTAULIAHAN BAGI MENARA FLYING FOX, ABSEILING DAN WALL CLIMBING DI PHT

Sesi Latihan Pengujian Dan Pentaualihan Bagi Menara *Flying Fox*, *Abseiling* Dan *Wall Climbing* Di PHT telah diadakan pada hari ini melibatkan Jabatan Pelancongan & Hospitaliti serta pihak kontraktor yang terlibat. Sesi Latihan ini bertujuan untuk

mengiktiraf PHT sebagai pusat pentaualihan bagi aktiviti rekreasi *flying fox*, *abseiling* dan *wall climbing*.



PROGRAM PROFESSIONAL UPSKILLING OF ENGLISH LANGUAGE LECTURERS (PRO-ELL) FASA 3

Seramai tiga orang pensyarah Bahasa Inggeris dari Jabatan Pengajian Am PHT telah mengikuti Program *Professional Upskilling of English Language Lecturers (Pro-ELL)* Fasa 3 pada 19 dan 22 September 2021 secara dalam talian. Program yang dikendalikan dengan kerjasama Institut Pendidikan Guru Malaysia

ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran Bahasa Inggeris para pensyarah dan strategi menjawab ujian dalam talian bagi mencapai tahap minimum *Common European Framework of Reference (CEFR)*.




TAKLIMAT BERSAMA JABATAN PERDAGANGAN BAGI MINGGU TRANSFORMASI SISWA BAHARU



Melalui taklimat ini pelajar baharu diberi pendedahan dan maklumat tentang Jabatan Perdagangan seperti memperkenalkan pensyarah kepada pelajar dan penerangan dalam pelaksanaan PdP. Pelajar juga diberi pendedahan tentang OBE dan cara pelaksanaannya.

Pada 7 Oktober 2021 telah berlangsung Taklimat Minggu Transformasi Siswa Baharu yang melibatkan semua pelajar DAT 1A dan DAT 1B Sesi 1 2021/2022 iaitu seramai 42 orang.



TAKLIMAT HARI AKADEmia & TAKLIMAT MAKLUMAT MQA04



Taklimat Hari Akademia telah dilaksanakan secara atas talian pada 7 Oktober 2021 bertujuan untuk memberi penerangan tentang pelaksanaan Hari Akademia yang akan dilaksanakan pada 25 Oktober 2021 serta pembahagian tugas. Sementara itu taklimat MQA04 juga dilaksanakan bagi menjelaskan kaedah dan tindakan yang perlu pensyarah ambil bagi memastikan pengumpulan maklumat MQA04 bagi program DAT dapat ditambahbaik dan dikemaskini dengan maklumat terbaru.

WEBINAR DI PHT

Jabatan Pengajian Am (JPA) dengan kerjasama ULPL PHT telah menganjurkan program Webinar Peranan Etika dan Peradaban Mendukung Tanggungjawab Sosial di Malaysia kepada warga pelajar Politeknik Malaysia. Program ini diadakan pada hari ini 03 Oktober 2021 (Ahad). Penceramah Jemputan untuk program ini ialah Cik Ryn

Rasidi, Pengerusi Muhajirah Wafiq dan Founder Usrah Iqrah. Moderator untuk program ini pula ialah Dr Said@Saidi bin Muda, Pensyarah Jabatan Pengajian Am, PHT. Program yang dianjurkan secara dalam talian

menggunakan platform webex telah disertai kira-kira 556 orang pelajar dari seluruh Politeknik Malaysia. Suatu penyertaan yang jumlahnya sangat membanggakan buat pihak penganjur.

Tahniah kepada semua yang telah terlibat.



PROGRAM BICARA REKREASI KURSUS DTO 20044- TERRESTRIAL RECREATIONAL TOURISM

Program Bicara Rekreasi Kursus DTO 20044- Terrestrial Recreational Tourism telah dilaksanakan pada 05 & 06 Oktober 2021. Program ini bertujuan untuk membantu pelajar lebih memahami kemahiran yang diperlukan dalam aktiviti pelancongan rekreasi.


Pelajar juga didedahkan kepada isu-isu semasa dalam industri pelancongan di Malaysia. Program ini telah disertai oleh 34 orang pelajar semester 2 Diploma Pengurusan Pelancongan (DUP) dan Diploma Pelancongan Rekreasi (DRT) bersama 3 orang pensyarah iaitu Encik Fahimdin, Encik Hasrol

dan Encik Mohd Azamrul. Perkongsian ilmu ini telah disampaikan oleh Jurulatih rekreasi yang ditauliahkan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Antara fokus perkongsian ilmu ini adalah Pengenalan kepada jurulatih rekreasi, Pengurusan risiko dalam penganjuran aktiviti rekreasi, Asas kemahiran Pengurusan Perkhemahan, Asas Kemahiran Tali tinggi dan Asas Kemahiran Pandu Arah.

WEBINAR AKADEMIA WADAH KELESTARIAN UMMAH DI ERA DIGITALISASI

Webinar Akademia Wadah Kelestarian Ummah di Era Digitalisasi telah diadakan pada 20 Oktober 2021 (Rabu) jam 9.00 - 11.00 pagi. Webinar ini adalah anjuran Jabatan Pengajian Am, Politeknik Hulu Terengganu dan telah diadakan secara dalam talian menerusi platform Webex. Penceramah program ialah Prof. Dato' Ts. Dr. Aziz

Deraman, Senior Professor, Faculty of Ocean Engineering Technology and Informatics, Universiti Malaysia Terengganu dan moderator program Dr Said@Saidi bin Muda, Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Am Politeknik Hulu Terengganu. PHT.



SAMBUTAN HARI AKADEMIA PERINGKAT POLITEKNIK HULU TERENGGANU

Sambutan Hari Akademia Peringkat Politeknik Hulu Terengganu telah diadakan di Dewan Batu Bersurat, PHT melibatkan kira-kira 80 orang warga kerja PHT. Perasmian program ini telah disempurnakan oleh YB Ustaz Ariffin Deraman, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Teknologi Digital Terengganu. Sambutan ini diadakan

sebagai tanda menghargai peranan ahli akademia di PHT. Di dalam program ini juga penghargaan telah diberikan kepada semua pegawai yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) tahun 2020 dan pengiktirafan kepada ahli akademia yang cemerlang dalam bidang masing-masing serta telah menaikkan nama Politeknik Hulu Terengganu

di peringkat Kebangsaan/ Antarabangsa bagi tahun 2021. Program ini juga telah mengikut SOP yang telah ditetapkan dan mendapat kelulusan pihak berkuasa tempatan.



LAWATAN YB KE PAMERAN INOVASI PHT

YB Ariffin Deraman, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Teknologi Digital Terengganu telah melawat Pameran Inovasi sempena Hari Akademia Peringkat PHT yang telah diadakan di Dewan Batu Bersurat PHT. Pelbagai produk inovasi dan poster inovasi telah dipamerkan dalam pameran ini yang mana

memberi impak kepada komuniti secara langsung atau tidak langsung antaranya, Ez-Tax Plan, Rolling the Word, Interacting Module Based Board Game, Board Game Ganu Kite, Ganu Smart Travel Kit dan banyak lagi. Produk-produk inovasi ini juga telah memenangi pelbagai anugerah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.



MAJLIS SAMBUTAN MAULIDURRASUL PERINGKAT PHT

18 Rabiul'awwal 1443 Hijrah bersamaan 26 Oktober 2021, bersempena bulan mulia kelahiran insan Agung MUHAMMAD BIN ABDULLAH S.A.W., Jawatankuasa Pusat Islam al-Hijrah dengan kerjasama Jabatan Pengajian Am

Politeknik Hulu Terengganu telah mengadakan Majlis Sambutan Maulidurrasul bertempat di Pusat Islam al-Hijrah. Program telah dimulakan dengan Tazkirah Maulidur Rasul oleh Dr Said @ Saidi Muda, diikuti dengan bacaan Solawat dan Doa

serta Solat Zuhur dan Solat Hajat Berjemaah. SOP KKM telah digunapakai bagi mengelakkan pandemik COVID-19.




WEBINAR ANJURAN PUSPANITA PHT DENGAN KERJASAMA PUSPANITA JPPKK DAN KLINIK PERGIGIAN

Puspanita JPPKK dengan kerjasama Puspanita PHT serta Klinik Pergigian Kuala Berang telah menganjurkan webinar “Senyuman Manis Yakin Bergaya” pada hari ini 26 Oktober 2021 (Selasa) bermula 10.30 pagi hingga 12.00 tengahari menggunakan medium Google Meet. Penceramah webinar Dr. Sathia A/P Tamil Chelvan dari Klinik Pergigian Kuala Berang. Kira-kira 100 orang peserta menghadiri webinar ini. Tahniah Puspanita atas penganjuran webinar yang memberi impak besar kepada masyarakat.



PPI JPA

Program PPI JPA-*The Best Way on How to Present a Product or a Service* (DUE30022-Communicative English 2) telah diadakan pada 26 Oktober 2021 secara atas talian di Platform Microsoft Teams. Perkongsian ilmu disampaikan oleh penceramah berpengalaman luas dalam "English Communication", realiti tv show dan pengiklanan pelbagai produk dalam tv dan juga di sosial media seperti di shoppee, lazada serta wow shop, iaitu Puan Adibah binti Rozain. Beliau juga juara bagi Pencarian Da'i Millenia TV3. Program PPI ini berjaya dilaksanakan dengan kehadiran sebahagian besar pelajar DAT Semester 2 dan DUP semester 3 secara atas talian bagi topik Products and Services. Program ini mampu meningkatkan pengetahuan pelajar mengenai cara yang terbaik untuk menerangkan servis atau produk yang disediakan. Disamping itu juga, pelajar berpeluang mendapat pengalaman sebenar bagaimana memperkenalkan produk atau servis yang disediakan. Tahniah JPA di atas pelaksanaan PPI yang memberi impak positif kepada para pelajar.



PROGRAM PENSYARAH PELAWAT INDUSTRI JABATAN PERDAGANGAN BAGI KURSUS DPB10013 MICROECONOMICS

Program Pensyarah Pelawat Industri bagi kursus DPB 10013 Microeconomics telah berjaya dilaksanakan pada 10 Oktober 2021. Program ini telah dilaksanakan secara atas talian bersama seorang usahawan yang berjaya dan merupakan alumni Politeknik Hulu Terengganu. Beliau adalah Encik Mohd Fathie Zaim bin Mohd Nasir iaitu pengurus Agensi Fathie & Sahabat yang merupakan sebuah Syarikat Insuran.

Melalui program ini pelajar DAT1A dan DAT1B seramai 42 orang telah diberi taklimat mengenai perkaitan di antara kursus Microeconomics dari segi konsepnya dan bagaimana diaplikasikan dalam sebuah perniagaan.



MESYUARAT JAWATANKUASA PANEL PENILAI KURIKULUM PROGRAM DIPLOMA AKAUNTANSI BAGI TAHUN 2021 JABATAN PERDAGANGAN

Mesyuarat Jawatankuasa Panel Penilai Kurikulum bagi program DAT telah berjaya dilaksanakan secara atas talian pada 11 November 2021 dan merupakan platform bagi mendapatkan maklumbalas pihak industri terhadap kurikulum yang digunapakai bagi Program Diploma Akauntansi.

Program ini melibatkan semua pensyarah Jabatan Perdagangan bersama 3 orang panel penilai kurikulum daripada 3 agensi iaitu :

- ◇ Dr Akmalia Binti Mohd Ariff A.M. (M) - Associate Professor UMT
- ◇ En Che Mohd Zulkarnain Bin Abd Wahab - Pengarah Zool Management & Trading Sdn Bhd
- ◇ En Mohd Fathie Zaim Bin Mohd Nasir - Group Manager Agensi Fatie & Sahabat



PROGRAM LEARNING OUTCOME (PLO)	MARKS (P/20)	MARKS (C/20)
PLO1 (C1) - RESPONSIBILITY	10	10
PLO1 (C2) - PROFESSIONAL SKILLS	10	10
PLO1 (C3) - COMMUNICATION SKILLS	10	10
PLO1 (C4) - CRITICAL THINKING AND PROBLEM SOLVING SKILLS	10	10
PLO1 (C5) - SOCIAL SKILLS AND PERSONAL SKILLS	10	10
PLO2 (C1) - CONTINUOUS LEARNING & INFORMATION MANAGEMENT SKILLS	11	10
PLO2 (C2) - MANAGEMENT SKILLS	10	10
PLO2 (C3) - PROFESSIONAL SKILLS	10	10
PLO2 (C4) - LEADERSHIP AND TEAMWORK SKILLS	10	10

MESYUARAT BERSAMA JK PENASIHAT INDUSTRI

Bertempat di Bilik Mesyuarat Harmoni, Mesyuarat Jawatankuasa Panel Penasihat Industri PHT telah diadakan melibatkan lima penasihat industri iaitu En.Dzulkafl bin Abas, Pengerusi Persatuan Keno Negeri Terengganu, Pn.Putih binti Dalib, Setiausaha Pelancongan Negeri Terengganu, En.Mohd Nazrin Shamsudin, Education

Consultant Autocount Sdn.Bhd, En. Che Mohd Zulkarnain Abdul Wahab, Pengarah Zool Management and Trading Sdn. Bhd dan En. Ahmad Fai-
zan Shamsul Bahri, Alumni PHT, Pemandu Pelancong Blue Badge(City). Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Dr. Hj Abu Bakar Zakaria, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik PHT



CAMPUS TOUR BERSAMA JK PENASIHAT INDUSTRI

Lima penasihat industri iaitu En.Dzulkafl bin Abas, Pengerusi Persatuan Keno Negeri Terengganu, Pn.Putih binti Dalib, Setiausaha Pelancongan Negeri Terengganu, En.Mohd Nazrin Shamsudin, Education Consultant Autocount Sdn.Bhd, En. Che Mohd Zulkarnain Abdul Wahab, Pengarah Zool Management and Trading Sdn.

Bhd dan En. Ahmad Fai-
zan Shamsul Bahri, Alumni PHT, Pemandu Pelancong Blue Badge(City) yang menjayakan mesyuarat bersama PHT,turut sama menyertai PHT Campus Roadtour melihat kemudahan dan kesesuaian aktiviti yang telah dirancang. Turut sama ahli jawatankuasa CISEC PHT diketuai oleh Pn.Syuhairah Ghani.



PERJUMPAAN PIHAK PENGURUSAN BERSAMA KAKITANGAN SOKONGAN AKADEMIK PHT

Perjumpaan Pihak Pengurusan Tertinggi bersama kakitangan sokongan akademik PHT telah diadakan di Mini Auditorium PHT. Dr Hj Abu Bakar Zakaria, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik PHT telah menyampaikan

amanat pihak pengurusan untuk sama dicapai oleh seluruh warga kerja sokongan di PHT.



MPP PHT DAN MPP PBT

Program di Pusat Islam Al-Hijrah melibatkan Majlis Perwakilan Pelajar PHT dan Majlis Perwakilan Pelajar PBT.



UJILARI DAPUR PHT

Bengkel Pemantapan Kemahiran dan Ujilari Dapur PHT telah diadakan pada hari ini melibatkan pensyarah program DHR dan juga pelajar DHR 2 diketuai oleh En. Afi Zuladhli Azmi



ESKAVASI TAMADUN SUNGAI BATU

Program Ekspedisi Eskavasi Tamadun Sungai Batu, Tamadun tertua di Asia Tenggara melibatkan pelajar DUP4A telah dijalankan. Tamadun Sungai Batu telah diisytiharkan oleh Profesor Oxford University, Stephen Oppenheimer sebagai salah satu daripada beberapa tamadun purba yang telah mendahului beberapa abad daripada khazanah arkeologi terkemuka di Asia Tenggara ini mendahului kuil Borobudur di Indonesia, dan Angkor Wat di Kemboja yang masing-masing pada abad ke-9 dan ke-12. Ciri-ciri warisan dan kebudayaan yang terpendam di sekitar kawasan ini



menjadikan Sungai Batu sebagai salah satu produk pelancongan berasaskan sejarah yang berpotensi untuk dibangunkan sehabat kuil Borobudur di Indonesia, dan Angkor Wat

di Kemboja pada masa akan datang. sekumpulan pelajar Politeknik Hulu Terengganu telah datang ke sini untuk menjalankan satu aktiviti eskavasi Pendidikan untuk merungkakan misteri tamadun Sungai Batu.

HARI PERSIDANGAN AKADEMIK PHT 2021

Bertempat di Mini Auditorium Pintar PHT telah diadakan Hari Persidangan Akademik PHT melibatkan warga kerja akademik PHT. Penceramah bagi persidangan akademik PHT untuk sesi pagi daripada bahagian BPN, JPPKK, En. Mat Shukur dan Pn.Syura dari BIPD, JPPKK. Untuk sesi petang, Pn.Asmah Hussain dari Politeknik Merlimau.

Objektif program adalah untuk menyebarkan maklumat berkaitan akademik mengikut keperluan semasa, wadah perbincangan ahli akademik mengenai hala tuju akademik di PHT, merencanakan hala tuju akademik PHT seiring dengan inspirasi KPT dan JPPKK serta sebagai induksi pengurusan kepada semua warga akademik PHT.



MINI SEMINAR DI PHT

Mini Seminar Proposal Defence telah diadakan di Auditorium Pintar PHT melibatkan pelajar semester 5 dari program Diploma Pengurusan Pelancongan yang mengambil subjek DTM50174: Tourism Project. Mini Seminar ini menentang COVID-19: Issues and

challenge of tourism industry in Malaysia. Panel penilai untuk mini seminar ini ialah Dr.Wan Hafiz Wan Zainal Shukri dari Universiti Malaysia Terengganu. Tahnia kepada pelajar DUP5 berjaya menghasilkan proposal mengikut masa yang telah ditetapkan.



AKTIVITI AMALI ORIENTEERING

Aktiviti amali- Orienteering bagi kelas DRT 2A mengikut SOP amali yang telah digariskan. Sesi amali ini telah dikendalikan oleh pensyarah kursus, En.Fahimdin bin Mohd Yusof @ Kamal dan juga En. Azamrul Harun.



AKTIVITI SIMULASI TGT DI MELAKA

Telah berlangsung selama 3hari bermula 19.11.21 - 21.11.2021 simulasi teknik pemandu pelancong bagi subjek DTM30114 Tourist Guiding Techniques di sekitar bandaraya bersejarah iaitu Melaka. Pelajar-pelajar yang terlibat adalah para pelajar semester 5 Diploma Pengurusan Pelancongan. Tujuan utama lawatan ini diadakan adalah bagi memenuhi tuntutan

silibus kursus berkaitan simulasi teknik pemandu pelancong. Antara tempat-tempat yang telah simulasi ialah Kota Afamosa, Muzium Samudera, Menara Taming Sari, Melaka River Cruise dan Muzium

Etnografi. Simulasi teknik pemandu pelancong ini telah berjalan dengan jayanya dan banyak ilmu serta pengalaman baru dapat diperolehi oleh para pelajar.



AKTIVITI PPI TGT

PPI Teknik Pemandu Pelancong juga telah diadakan kepada pelajar DUP semester 5, yang mana melibatkan En.Mohd Hakim Mohamad dari Klinik Kesihatan Tengkuawang. PPI pada kali ini adalah berkaitan Safety Procedures On Coach and At-

traction Place dan Teknik Penggunaan First Aid dalam situasi kecemasan.



AMALI RENANG

Amali Renang untuk subjek Rekreasi Marin telah dijalankan pada hari ini di Pusat Akuatik PHT. Amali Rekreasi ini telah diketuai oleh En. Firdaus Mohd Sharif selaku pensyarah kursus.



KEMPEN DERMA DARAH DI PHT


Kempen Derma Darah telah dianjurkan oleh Unit Hal Ehwal Pelajar PHT dengan kerjasama Unit Tabung Darah, Hospital Sultanah Nur Zahirah. Program ini diadakan di Dewan Batu Bersurat, Politeknik Hulu Terengganu pada hari ini. Program ini diadakan kerana terdapat permintaan yang tinggi terhadap bekalan darah di HSNZ serta ber-

tujuan untuk PHT sama-sama menyumbang dalam membekalkan darah yang selamat dan mencukupi untuk kegunaan pesakit di HSNZ. Kempen ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada warga PHT yang terdiri daripada pelajar dan kakitangan PHT.



MOCK AUDIT PROGRAM

Persediaan Penilaian Pematuhan Akreditasi Penuh Program 2021: Mock Audit dijalankan pada hari ini bersama Dr. Hj. Hairul bin Palal, Ahli Panel Penilai, MQA melibatkan jabatan dan unit di PHT



AKTIVITI SIMULASI TGT DI PULAU PINANG

Telah berlangsung selama 3 hari bermula 25.11.21 - 27.11.2021 simulasi teknik pemandu pelancong bagi subjek DTM30114 Tourist Guiding Techniques di sekitar Pulau Pinang. Pelajar-pelajar yang terlibat adalah para pelajar semester 3 Diploma Pengurusan Pelancongan. Tujuan utama lawatan ini diadakan adalah bagi memenuhi tuntutan silibus kursus berkaitan simulasi teknik pemandu pelancong. Anta-

ra tempat-tempat yang telah simulasi ialah Fort Cornwallis, Feri Pulau Pinang, Jambatan Pulau Pinang, Padang Kota Lama dan Bukit Bendera. Simulasi teknik pemandu pelancong ini telah berjalan dengan jayanya dan banyak ilmu serta pengalaman baru dapat diperolehi oleh para pelajar.



PEMBUKAAN MQAVA DI PHT

Pembukaan Lawatan Penilaian Pematuhan Akreditasi Penuh Program Virtual Audit (MQAVA) 2021 telah dijalankan pada hari ini bersama Panel Penilai dan Pegawai MQA secara dalam talian. Pembukaan MQAVA telah melibatkan semua staf di PHT.



LAWATAN MQAVA DUP

Lawatan Penilaian Pematuhan Akreditasi Penuh Program secara virtual (MQAVA) 2021 bagi program Diploma Pengurusan Pelancongan(DUP) telah dijalankan pada hari ini bersama Panel Penilai MQA, En.Muharis secara dalam talian. Lawatan

MQAVA ini telah melibatkan Ketua Jabatan, En.Noor Fiteri Abdullah, Ketua Program DUP, En.Hishamudin Mat bersama beberapa orang staf akademik DUP.



LAWATAN MQAVA DAT

Lawatan Penilaian Pematuhan Akreditasi Penuh Program secara virtual (MQAVA) 2021 bagi program Diploma Akauntansi (DAT) telah dijalankan pada hari ini bersama Panel Penilai MQA, Dr.Mohd Rizal secara dalam talian. Lawatan MQAVA ini telah melibatkan Ketua Program DAT,Pn.Nor Maizura bersama beberapa orang staf akademik DAT.



LAWATAN MQAVA BERSAMA MPP PHT DAN PELAJAR PHT

Lawatan Penilaian Pematuhan Akreditasi Penuh Program secara virtual (MQAVA) 2021 kepada wakil pelajar PHT dan barisan Majlis Perwakilan Pelajar PHT juga telah dijalankan pada hari ini bersama Panel Penilai MQA secara dalam talian dan dijalankan di Makmal Komputer PHT



LAWATAN MQAVA DI KAMPUS PHT


Lawatan Penilaian Pematuhan Akreditasi Penuh Program secara virtual (MQAVA) 2021 juga telah membawa panel penilai MQA melihat kemudahan umum dan kemudahan program yang telah disediakan kepada para pelajar dan seluruh warga PHT

antaranya Perpustakaan, Unit Peperiksaan, Makmal Komputer, Training Business Center, dan Training Recreation Center.



MAJLIS PENUTUP LAWATAN MQAVA DI PHT

Majlis Penutup Pembentangan Lawatan Penilaian Pematuhan Akreditasi Penuh Program secara virtual (MQAVA) 2021 telah diadakan pada waktu petang yang mana melibatkan ulasan daripada para panel penilai MQA yang terlibat.



LAWATAN TAPAK DAN PERBINCANGAN DENGAN WAKIL AKADEMIK BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA WILAYAH TIMUR.

Telah berlangsung satu sesi lawatan tapak dan perbincangan dengan wakil daripada Akademik Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur. Antara pegawai yang hadir adalah :-

1. PgKB 1 Encik Hamdan bin Hamzah (Ketua Pengajian Penyelamatan)
2. PKPgB Fazzly bin Mdl Yunus (Pegawai Perhubungan Awam)
3. PKPgB Fizi bin Mohamad (Pegawai Latihan)
4. En Md Razif bin Minhat (Pegawai ICT)

Antara perkara yang dibincangkan adalah :-

1. Program kempen kesedaran asas keselamatan di air dan Ikhtiar hidup di hutan kepada pelajar Program Diploma Pengurusan Pelancongan.
2. Penganjuran kursus kemahiran kepada staf dan pelajar PHT.
3. Khidmat nasihat penubuhan 'Emergency Response Team' di PHT
4. Perkongsian berkaitan isu keselamatan dan kesihatan pekerja.



Sekalung Tahniah diucapkan kepada Tn. Hj Azahan Bin Hj Daud yang telah menerima surat lantikan sebagai Pengarah Politeknik Hulu Terengganu berkuatkuasa 1hb Disember 2021



OLEH: NURUL ILYANI ABDULLAH

SAMBUTAN RINGKAS PENGARAH PHT BAHARU

Sambutan ringkas oleh Ahli Mesyuarat Pengurusan kepada pengarah baharu Politeknik Hulu Terengganu(PHT), Haji Azahan Haji Daud di lobi PHT.



PDP DI PHT BERJALAN LANCAR

Pengajaran dan Pembelajaran di PHT berjalan lancar dalam norma baharu yang telah digariskan. Menang bersama. Kita Jaga Kita.



PENDAFTARAN PELAJAR SEMESTER SATU KE KAMPUS PHT

PHT telah mengadakan sesi pendaftaran pelajar semester satu bagi sesi 1 2021/2022 pada 4.12.2021. PHT telah mengambil pendekatan untuk mencegah penularan COVID-19 dengan menggunakan kaedah pandu lalu bagi mengelakkan kesesakan pelajar dan ibu bapa disamping menjaga penjarakan fizikal. Kira-kira 160 orang pelajar semester satu mendaftar masuk kampus.



AMALI ORIENTEERING

Pelajar DRT 2A telah menjalankan amali orienteering di sekitar kampus PHT pada 5.12.2021 Sesi amali ini telah dikendalikan oleh para pensyarah Diploma Pelancongan Rekreasi, JPH, PHT



Sumbangan ikhlas PHT telah disampaikan oleh En. Azmi Ismail kepada bapa saudara pelajar DUP1 yang kemalangan semasa menghantar pelajar tersebut mendaftar masuk kampus PHT Sabtu 4.12.2021.



#polykasih

LAWATAN PERBINCANGAN KOLABORASI KE AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT WILAYAH TIMUR, WAKAF TAPAI TERENGGANU.

Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti (JPH) dan Unit Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan PHT telah mengadakan satu lawatan perbincangan kolaborasi bersama pihak Akademi Bomba dan Penyelamat Wilayah Timur, Terengganu. Antara objektif perbincangan kolaborasi ini diadakan adalah bertujuan:

- 1) Perkongsian Kepakaran dalam Bidang Rekreasi
- 2) Persijilan Profesional
- 3) Latihan dan Kursus berkaitan rekreasi dan keselamatan



SESI AMALI HOUSEKEEPING

Sesi Latihan Amali Public Area bagi kursus DTA30103 Housekeeping Operation and Management telah dijalankan pada hari ini melibatkan para pelajar DHR2. Para pelajar telah melaksanakan amali Public Area di kawasan sekitar Resort PHT. Latihan amali ini juga telah mendapat kerjasama dari unit kebersihan PHT bg menunjukkan cara penggunaan alatan dan agen pencucian dengan betul bagi setiap kawasan public area.



UJIAN PRAKTIKAL ORIENTEER-

Pelajar DUP 2A telah menjalankan ujian praktikal *orienteering* di sekitar kampus PHT. Sesi ujian ini telah dikendalikan oleh para pensyarah Diploma Pelancongan Rekreasi, JPH, PHT.



AMALI RENANG

Penilaian amali renang, *water confidence* dan snorkeling telah diadakan pada 6.12.2021 di Pusat Akuatik PHT melibatkan pelajar semester 3 Diploma Pengurusan Pelancongan (DUP) yang mengambil Kursus DT030064:Recreational Tourism Marine.



KEMPEN ASAS KESELAMATAN DI AIR DAN IKTIAR HIDUP DI HUTAN

Kempen Asas Keselamatan di Air dan Iktiar Hidup di Hutan telah disampaikan oleh penceramah dari Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur di Auditorium Pintar PHT melibatkan pelajar DUP3.



BENKEL PELAN STRATEGIK

Bengkel Pelan Strategik diadakan selama tiga hari pada 7-8 Disember 2021. Bengkel hari pertama melibatkan ahli mesyuarat pengurusan yang mana perengangan aktiviti PHT 2021 telah dibentangkan oleh Unit Jaminan Kualiti merujuk kepada PELAN STRATEGIK PHT 2019_2025 untuk mencapai sasaran KPI dan perbincangan maklum aktiviti. Bengkel ini telah dijalankan di Bilik Mesyuarat Harmoni PHT.



PROGRAM MERINTIS LALUAN MERENTAS HUTAN DI PHT

Program ini dilaksanakan bertujuan untuk membersihkan laluan merentas hutan di PHT dan juga memastikan tahap keselamatan laluan. Laluan ini akan digunakan untuk Latihan amali merentas hutan dan pemerhatian flora dan fauna bagi kursus DTO20044-Terrestrial Recreational Tourism yang akan dilaksanakan pada 13 Disember 2021. Program ini telah dirancang oleh Encik Fuadi dan Encik Fahmi dari Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti bersama jurupandu Encik Amran Che Mat dari Pusat Sumber PHT.



MESYUARAT JAWATANKUASA COVID

Mesyuarat Jawatankuasa COVID Bil 3/2021 telah diadakan pada 13.12.2021 di Bilik Mesyuarat Harmoni.

TAKLIMAT DEWAN BATU BERSURAT, PHT

Program Taklimat dan Lawat Tapak sedang berlangsung pada pagi ini di Dewan Batu Bersurat. Program ini berjalan dengan SOP KKM yang telah ditetapkan.



PHT KE BILIK GERAKAN COVID HULU TERENGGANU

Lawatan susulan ke Bilik Gerakan COVID Hulu Terengganu telah dijalankan pada hari ini 13.12.2021 bagi membincangkan isu-isu berbangkit di PHT. Lawatan diketuai oleh Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, Dr.Hj Abu Bakar Zakaria



NATURE EXPLORATION ACTIVITY

Program Nature Exploration Activity bagi kursus DTO20044 Terrestrial Recreational Tourism untuk subtopik Jungle Trekking telah diadakan pada 13.12.2021 melibatkan 33 orang pelajar dari DUP2A dan DRT2A. Program ini telah diketuai oleh En.Fuadi, En.Fahmi juga dibantu oleh 5 orang pensyarah lain En.Fahimdin Mohd Yusof @ Kamal, En. Azamrul Harun, En. Afi Zuladhli, En.Hasrol juga Pn.Herdayanty dari Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti. Program ini diadakan di trek jungle trekking PHT.



PRACTICAL TEST GUESTROOM

Pelajar Diploma Pengurusan Resort, Semester 2 (DHR2) telah menjalani Practical Test untuk Guestroom Cleaning Supervision di Kelah Education And Training Resort (KETR) Politeknik Hulu Terengganu. Para pelajar bertindak sebagai 'Housekeeping Supervisor' melaksanakan 'Standard Operation Procedure' bagi 'Guest Room Inspection' dan melaksanakan 'detail inspection checklist' untuk 'guestroom cleaning'. Pelaksanaan latihan amali di KETR ini memberikan pengalaman baharu kepada pelajar kerana PHT menyediakan peluang belajar seperti dalam industri atau lebih dikenali dengan *industry on campus*.



OLEH: NURUL ILYANI ABDULLAH

LAWATAN PEMANTAUAN KAFETARIA

Satu lawatan pemantauan ke kafetaria kamsis oleh Jawatankuasa Kafetaria PHT diketuai Pengerusi, Dr Abu Bakar Bin Zakaria, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik telah diadakan pada 20.12.2021.

PEMANTAUAN LATIHAN INDUSTRI

Sesi pemantauan latihan industri telah bermula yang mana kali ini dijalankan secara dalam talian. Semalam, pemantauan latihan industri telah dijalankan di Pejabat Majlis Daerah Mersing, Johor oleh Ketua Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti, En.Noor Fiteri Abdullah.



BENGKEL DI PHT

Bengkel bertajuk 'Buat Puisi Sampai Jadi Buku' telah diadakan pada 21.12.2021 di Bilik Perbincangan PHT. Bengkel ini anjuran ULPL PHT dan telah disampaikan oleh Pn.Nurul Ilyani Abdullah.



AKTIVITI LUAR KAMPUS

Aktiviti amali luar kampus pelajar untuk subjek DTM20223:Tourism Transportation telah diadakan di TTI River Cruise, Terengganu 21.12.2021 melibatkan semester dua, Diploma Pengurusan Pelancongan.






MESYUARAT PENGURUSAN PHT

Mesyuarat Pengurusan PHT Bil 12/2021 telah diadakan pada 21.12.2021 di Bilik Mesyuarat Harmoni. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Tn.Hj. Azahan Hj.Daud, Pengarah PHT.



JPH TRIBUTE TO TOURISM



OLEH: MOHD HISHAMUDIN MAT

JPH TRIBUTE TO TOURISM

ANTARA AKTIVITI TAHUN 2022

Marine Recreational Course for DT030064 Marine Recreational Tourism
Academic Trip for DTM10093 Tourism in Malaysia
Ethics and Social Etiquette Course for DTM10203 Customer Service for Tourism and Hospitality
Academic Trip for DTM20233 Tourism Transportation
Academic Trip for DTM30114 Tourist Guiding Techniques
Event for DTM40134 Event Operation and Management
Ekspedisi Jelajah Warisan Siri 2
Project Exhibition DTM50174 Tourism Project
Academic Trip for DTM50183 Sustainable Tourism
Terrestrial Recreational Course for DTO20044 Terrestrial Recreational Tourism



Marine Recreational Course for DT030064 Marine Recreational Tourism
Academic Trip for DTM10093 Tourism in Malaysia
Ethics and Social Etiquette Course for DTM10203 Customer Service for Tourism and Hospitality
Academic Trip for DTM20233 Tourism Transportation
Academic Trip for DTM30114 Tourist Guiding Techniques
Event for DTM40134 Event Operation and Management
Ekspedisi Jelajah Warisan Siri 2
Project Exhibition DTM50174 Tourism Project
Academic Trip for DTM50183 Sustainable Tourism
Terrestrial Recreational Course for DTO20044 Terrestrial Recreational Tourism



OLEH: MOHD HISHAMUDIN MAT

RANGKUMAN MESYUARAT JABATAN PERDAGANGAN TAHUN 2021

Bil.1
7/1/2021




Bil.2
9/3/2021



Bil.3
27/4/2021

Bil.4
25/5/2021



Bil.5
1/8/2021

Bil.6
5/9/2021



CARTA ORGANISASI JABATAN PERDAGANGAN



OLEH:
NORIMAH ANNUAR @ MOHD TAHIR

PERANCANGAN AKTIVITI TAHUN 2022

JABATAN PERDAGANGAN

PORTFOLIO	AKTIVITI
Jawatankuasa OBE	Bengkel OBE Dan Interpretasi Kurikulum Bagi Program DAT Politeknik Hulu Terengganu
	Bengkel OBE Jabatan Perdagangan
ULPL (PSH, SIP, Kursus Kompetensi)	Kursus Microsoft Word Specialist
	Kursus Penerapan Kaedah NLP Dalam PdP
	Kursus Accounting Payroll
Pembudayaan Keusahawanan	Entrepreneurship Day
Penyelidikan Dan Inovasi	Bengkel Mencungkil Idea Kajian & Inovasi Jabatan Perdagangan
	Bengkel Pemurnian Kajian Dan Inovasi Jabatan Perdagangan
Kelab Dipacc	DAT Explorace
Practical Accounting	Practical Accounting Workshop
Kualiti	Semakan Kurikulum Bersama Penasihat Industri
Alumni	Alumni Experience Sharing Talk
Smart Business Consultant (SBC)	Kursus Asas Simpan Kira Untuk PKS (PSH) 2.
	Bengkel Penyediaan Rancangan Perniagaan Untuk Komuniti (PSH)




PERANCANGAN AKTIVITI TAHUN 2022

JABATAN PERDAGANGAN

PORTFOLIO	AKTIVITI
DPB10023 Principles Of Management Leadership Program	Leadership Program
DPB 30073 Business Law	Kursus Law Of Contract Lawatan Akademik Ke Mahkamah Terengganu
DPA10013 Financial Accounting 1	Kursus Accounting Process, Books Of Account & Professional Bodies In Malaysia
DPB 20053 Business Mathematics	Application Of Interest Based On Financial And Business Practices In Malaysia (Industrial Talk)
DPA 50143 Financial Accounting 5	Event After Reporting Date (seminar)
DPA10023 Computer Application In Accounting	Microsoft Excel (Level 2) (seminar)
DPA30053 Financial Accounting 3	Financial Statement(seminar)
DPA 30073 Cost & Management Accounting 1	Cost Classification (seminar)
DPB 40103 Organzational Behaviour	Lawatan Ke Syarikat Pertima
DPA 50173 Professional Ethics	Code Of Ethics And Professional Scepticism (seminar)
DPA 20033 Financial Accounting 2	Kursus Berkaitan Financial Accounting
DPA 40123 Audit 1	Documentation And Sampling (seminar)
DPB10013 Microeconomics	Lawatan Ke Syarikat Air Akia



CARTA ORGANISASI JABATAN PENGAJIAN AM POLITEKNIK HULU TERENGGANU



OLEH: WAN NORLAILI WAN ABDUL MANAN

RANGKUMAN AKTIVITI TAHUNAN JABATAN PENGAJIAN AM 2021

AKTIVITI
Kursus Sembelihan
Perhimpunan Bulanan Anjuran JPA
Majlis Bacaan Yaasin & Tazkirah Merdeka
Bengkel Penyediaan i-FRP dan FPK dan Pembinaan Item Berkualiti
Program Professional Upskilling Of English Language Lecturers (Pro-ELL) Fasa 3
Taklimat Interpretasi Kurikulum MPU JPA
Webinar Peranan Etika dan Peradaban Mendokong Tanggungjawab Sosial di Malaysia
Webinar Ilmiah Ancaman Ideologi Songsang Terhadap Aqidah Ummah
PPI JPA - Communication Skills (DUE10012- Communicative English 1)
Webinar Akademia Wadah Kelestarian Ummah Di Era Digitalisasi
PPI JPA-The Best Way on How to Present a Product or a Service (DUE30022- Communicative English 2)
Majlis Sambutan Maulidurrasul Peringkat PHT



OLEH: WAN NORLAILI WAN ABDUL MANAN

BENGGEL/KURSUS DI PHT BULAN JUN-DIS 2021

KURSUS DALAM PERKHIDMATAN (KUDAP)

BENGGEL REVIEW OBE DAN OBA




Bengkel Review OBE dan OBA secara dalam talian anjuran Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan telah diadakan pada 15 dan 16 Jun 2021 selama 2 hari. Penceramah jemputan iaitu Pn. Nor' Aziah Binti Hj Abdullah yang merupakan Pensyarah Kanan, Politeknik Kota Bharu. Objektif bengkel adalah meningkatkan pemahaman mengenai OBE, interpretasi kurikulum dan rubrik.

BENGGEL PEMBINAAN RUBRIK BAGI JABATAN AKADEMIK PHT

Pada 5 September 2021, Jabatan Pengajian Am PHT telah menganjurkan Bengkel Pembinaan Rubrik Bagi Jabatan Akademik PHT 2021. Penceramah jemputan, Pn. Siti Fadzlina Binti Mohamad Asri dari Bahagian Peperiksaan dan Penilaian JPPKK. Seramai 47 orang peserta yang terdiri dari PPPT menghadiri bengkel ini dengan jayanya. Objektif bengkel ini ialah memantapkan pengetahuan dan kemahiran PPPT dalam PdP.



BENGGEL PEMBINAAN ITEM PENILAIAN BERTERUSAN DAN PEMBANGUNAN RUBRIK CLS JPH




Pada 5-9 September 2021, Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti PHT telah menganjurkan Bengkel Pembinaan Item Penilaian Berterusan dan Pembangunan Rubrik CLS JPH. Objektif program ialah membangunkan satu standard rubrik bagi CLS program dibawah jabatan. Program ini merupakan inisiatif jabatan untuk membangunkan rubrik yang menjadi panduan kepada pensyarah dalam membuat penilaian pelajar berbanding konitif penilaian Afektif (A) dan Psikomotor (P) dalam silibus pelajar



OLEH: DAMELIZA DAMAIN

BENGGEL PENYEDIAAN FPK DAN iFRP JPH SESI 1 2021/2022

Bengkel Penyediaan FPK dan iFRP JPH sesi 1 2021/2022 dilaksanakan adalah bertujuan untuk memastikan setiap pensyarah berjaya menyiapkan dokumen bagi Fail Penyelaras Kursus serta melengkapkan rancangan mengajar i-FRP sebelum sesi baru bermula. Bengkel ini telah berlangsung selama 3 hari pada 12 hingga 14 September 2021.




BENGGEL PENGURUSAN ASET MySPATA SECARA DALAM TALIAN




Bengkel Pengurusan Aset MySPATA secara dalam talian telah berlangsung selama 3 hari pada 13 hingga 15 September 2021 anjuran bersama Unit Pengurusan Aset dan Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan, PHT. Seramai 2 orang penceramah jemputan dan seorang fasilitator dari JKR Ibu Pejabat Kuala Lumpur dijemput iaitu Ir. Aieza Binti Mohd Yusop, Mohd Noor Bin Hamdan dan Pn. Siti Syahielah Binti Abdul Ghani. Objektif bengkel adalah untuk memahami tatacara pengurusan aset kerajaan dan melatih kakitangan PHT menggunakan sistem MySPATA.

BENGGEL PENYEDIAAN iFRP DAN FPK DAN PEMBINAAN ITEM BERKUALITI JPA PHT

Bengkel Penyediaan iFRP dan FPK dan Pembinaan Item Berkualiti JPA PHT telah diadakan pada 19 dan 22 September 2021 secara dalam talian. Pn. Sunita Bt Embong dari Unit Jaminan Kualiti PHT dijemput sebagai penceramah bengkel ini. Objektif bengkel ini ialah menambahbaik pengetahuan sedia ada dan input baru bagi meningkatkan kualiti dan keberkesanan PdP dalam kalangan pensyarah.



ENGAGING CONTENTS FOR ONLINE TEACHING AND LEARNING – MS



Pada 20 September 2021, Unit Pembangunan Digital dan Multimedia dengan kerjasama Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan PHT telah manganjurkan Bengkel Engaging Contents For Online Teaching and Learning MS TEAMS. Seramai 47 orang pensyarah menyertai bengkel ini dengan jayanya. Bengkel ini bertujuan memberi pendedahan dan pengetahuan kepada para pensyarah bagaimana menghasilkan kandungan / bahan pembelajaran dan pengajaran yang menarik dengan menggunakan platform MS Teams.

KURSUS UNDANG-UNDANG PERNIAGAAN SECARA ATAS TALIAN

Kursus ini dijalankan secara dalam talian disebabkan keadaan kes COVID 19 yang masih tinggi. Seramai 20 orang peserta kursus yang terdiri daripada Pensyarah di Jabatan Perdagangan. Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan yang lebih luas dan terperinci mengenai undang-undang perniagaan yang diamalkan di industri



BENKEL PENGENALAN KEPADA DUW10012 OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH



Program ini bertujuan memberi pendedahan dan meningkatkan kefahaman pensyarah Kursus DUW10012 Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang mana ia merupakan kursus umum yang ditawarkan kepada pelajar di PHT. Pendedahan asas dalam kursus ini dapat melancarkan proses pembelajaran dan pengajaran Pdp.

BENKEL PENYEDIAAN POSTER PENYELIDIKAN DENGAN MENGGUNAKAN CANVA

Sempena Hari Akademia 2021, Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti PHT telah menganjurkan Bengkel Penyediaan Poster Penyelidikan menggunakan CANVA pada 20 Oktober 2021. Penceramah jemputan iaitu Cik Nor Akasha Binti Kassim yang merupakan Pensyarah Politeknik MeTro Kuantan. Bengkel



OLEH: DAMELIZA DAMAIN

HARI PERSIDANGAN AKADEMIK PHT 2021

Program anjuran Jawatankuasa Akademik telah berlangsung dengan jayanya pada 16 & 17 November 2021. Penceramah jemputan bagi program ini ialah En Noor Azizan bin Itam (BIPD), Tn Hj Mat Abdul Shukor bin Abd Wahab (BPN), Pn Hjh Asmah bin Hussain (PMM), Sr Asuralyza binti Saleh (BIPD), En Yaswadi (PSMZA) dan Pn. Suriani (Unnit Kewangan PSMZA)



Persidangan selama 2 hari telah dihadiri wakil PPPT dari PSMZA, PKT dan PBT. Tujuan program ialah sebagai platform wadah perbincangan ahli akademik



KURSUS BASIC SKILLS OF COACHING AND MENTORING

Pada 9 November 2021, Unit Psikologi dan Kaunseling PHT telah menganjurkan Kursus *Basic Skills of Coaching and Mentoring*. Memberi pendedahan kepada PPPT mengenai kaedah *Coaching and mentoring* dan membawa kepada



BENKEL/KURSUS DI PHT BULAN JUN–DIS 2021 PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)

PERANAN ETIKA & PERADABAN MENDORONG TANGGUNGJAWAB SOSIAL DI MALAYSIA

Program anjuran Jabatan Pengajian Am, Politeknik Hulu Terengganu mendapat sambutan penyertaan yang ramai iaitu 565 yang kebanyakannya terdiri daripada pelajar Politeknik, NGO dan komuniti masyarakat. Program ini memberi pendedahan kepada komuniti tentang peranan etika dan peradaban dalam menyokong tanggungjawab sosial. Melihat kepada situasi hari ini, ramai kelompok muda mudi tanpa segan silu mempamerkan tingkahlaku yang tidak bermoral, merakam dan berlumba-lumba menyebarkan aksi mereka



WEBINAR ILMIAH ANCAMAN IDEOLOGI SONGSANG TERHADAP AQIDAH UMMAH

ANCAMAN IDEOLOGI SONGSANG TERHADAP AQIDAH UMMAH

Sesi 1: Dr. Muhammad Rashidi bin Wahab (Pensyarah UNISZA)
Tajuk: Cabaran Ajaran Sesat Terhadap Ahli Sunnah Wal Jamaah

Sesi 2: Ybgh Ustaz Abdul Halim Bin Awang (Pensyarah UNISZA)
Tajuk: Liberalisme, Sekularisme Dan Pluralisme: Pengaruhnya Terhadap Agama Islam

13 OKTOBER 2021 (Rabu)
8.00 pagi – 12.00 tengahari

Agjuran: Unit Pendidikan Islam dan Moral dan Pautan Islam Politeknik Hulu Terengganu dengan kerjasama Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Negeri Terengganu.

Pada 13 Oktober 2021, Jabatan Pengajian Am, Politeknik Hulu Terengganu dengan kerjasama Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Negeri Terengganu telah menganjurkan Webinar Ilmiah Ancaman Ideologi Songsang Terhadap Aqidah Ummah disampaikan oleh Dr. Muhammad Rashidi Bin Wahab yang merupakan Pensyarah UNISZA dan Ybgh Ustaz Abdul Halim Bin Awang.

WEBINAR WADAH KELESTARIAN UMMAH DI ERA DIGITALISASI

Pada 20 Oktober 2021, Jabatan Pengajian Am telah menganjurkan Webinar yang bertajuk Akademia Wadah Kelestarian Ummah di Era Digitalisasi yang telah disampaikan oleh penceramah jemputan Prof. Dato' Ts. Dr. Aziz Deraman.

**AKADEMIA WADAH KELESTARIAN UMMAH
DI ERA DIGITALISASI**

RABU 20 OKTOBER 2021 10.00AM - 12.00PM

MODERATOR
Dr. Said@Saidi Muda
Pensyarah Akademi
Jabatan Pengajian Am
Politeknik Hulu Terengganu

PENCERAMAH
Prof. Dato' Ts. Dr. Aziz Deraman
Senior Professor
Fakulti Teknologi, Pengurusan
Agama dan Informatika
Universiti Malaysia Terengganu

Agjuran: Jabatan Pengajian Am, Politeknik Hulu Terengganu

FOTO-FOTO AKTIVITI PHT JULAI—DISEMBER 2021

10 & 31 Julai 2021 - Program Outreach Imunisasi Covid -19 Di PHT



Anjuran PKD KKM, MDHT dengan Kerjasama PHT



OLEH: AFIFATUN NADHIRAH AWANG

9 Ogos 2021 – Kempen “PHT Bumi Hijau” Di Sekitar Kediaman PHT



Gotong-royong menanam 90 anak pokok anjuran jawatankuasa Polygreen PHT

23 September 2021 - Uji Lari & Pengtauliahan Menara Zipline dan Abseiling & Wall Climbing PHT



25 Oktober 2021 - Sambutan Hari Akademia Peringkat PHT




15 November 2021 – Sesi Amali-Praktikal Test 1 (Perkhemahan) Pelajar DUP 2A



16 November 2021 - Ekspedisi Eskavasi Tamadun Sungai Batu Pelajar DUP 4A



7 Disember 2021



Bengkel Keselamatan Di Air Bersama Anggota Bomba Wakaf Tapai

13 Disember 2021



Program "Nature Exploration Activity" Untuk Sub-topik Jungle Tracking



Tahniah

PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) TAHUN 2020



EN. FIRDAUS BIN MOHAMAD SHARIF
Pensyarah
Jabatan Pelancongan & Hospitaliti

PN. WAN NORLAILI BT. WAN ABDUL MANAN
Pensyarah
Jabatan Pengajian Am



PN. NOR AIN SOLIHAN BT. MOHD RAZALI
Pensyarah
Jabatan Perdagangan

PN. HAJAR BINTI ISMAIL
Pembantu Tadbir
Unit Pentadbiran



CIK YURANIZA BT. MOHD YUSOFF
Pegawai Khidmat Pelanggan
Unit Pentadbiran

"AKADEMIA DIPERKASA, DIGITALISASI DIBUDAYA"

*Tahniah dan Syabas warga kerja
Politeknik Hulu Terengganu*

KPI PHT 2015 SEHINGGA 2021





AMANAT PENGARAH TAHUN 2022

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Selamat Mendepani Tahun Baharu 2022 buat Warga PHT (Warga Kerja & Siswa Siswi PHT). Semoga tahun 2022 lebih baik dan lebih cemerlang buat diri kita, keluarga kita, rakan strategik kita, negara kita dan Politeknik kita.

Kemajuan dan kejayaan sebelum ini tidak bermakna kita boleh berpuas hati dengan pencapaian kita setakat ini. Apatah lagi jika kita meletakkan sasaran perbandingan dengan IPTA atau IPTS yang lain. Sebagai institusi TVET yang telah diiktiraf oleh pihak SIRIM dan MQA, PHT harus meneruskan usaha yang gigih dalam menjana ilmu untuk kepentingan industri. PHT mempunyai tanggungjawab yang besar untuk melatih dan membentuk pemimpin masa depan negara.

Kini kita berhadapan cabaran tahun 2022 yang lebih mencabar untuk melonjakkan PHT ke arah kecemerlangan dan keunggulan. Tahun 2021 meninggalkan kenangan pahit dan manis kepada kita semua. Ini kerana sebagaimana yang kita ketahui, negara berhadapan dengan situasi pandemik Covid-19 yang mana sehingga ke hari ini masih belum selesai. Namun demikian ia tidak membataskan PHT untuk mencipta kejayaan. Alhamdulillah, PHT telah berjaya mencapai beberapa kejayaan dan hampir semua KPI serta pengajaran dan pembelajaran berjaya dilaksanakan.

Usaha menjayakan PHT amat bergantung kepada kekuatan modal insan yang terdiri daripada para pelajar dan juga para pensyarah. Insya-Allah dengan komitmen dan kerjasama kedua-dua elemen ini akan melonjakkan lagi kegemilangan PHT selaras dengan transformasi pendidikan negara ke arah teknologi IR 4.0.

Saya percaya, kerjasama berpasukan yang mantap, disiplin yang tinggi, ilmu dan kemahiran yang hebat, ketahanan fizikal dan mental, jati diri dan semangat juang yang kental merupakan ramuan penting dalam melonjakkan PHT ke peringkat terhebat mencipta jenama PHT HEBAT.

Semoga warga PHT mampu dan bersedia menghadapi cabaran-cabaran ini. Warga kerja PHT cemerlang melahirkan Graduan hebat. Graduan PHT HEBAT dan berkualiti serta holistik merupakan aset dan penggerak kepada kemajuan dan pembangunan negara kita.

Saya percaya, dengan kekuatan sumber dan kebijakan perancangan yang kita miliki, PHT mampu untuk menjadi penyumbang yang bermutu kepada transformasi negara. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua warga kerja PHT yang telah berjaya mengharumkan nama PHT pada tahun 2021, marilah sama-sama kita gabungkan kekuatan untuk satu matlamat. PHT Leads Your Future. Sekian, *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

“ WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(HJ. AZAHAN BIN HAJI DAUD)
Pengarah
Politeknik Hulu Terengganu



<https://pht.mypolycc.edu.my/>



Politeknik Hulu Terengganu



polihuluterengganu_official



polihulutrg